

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SEGALA khidmat dan sumbangan ini perlulah berterusan, bukan sahaja untuk kelangsungan keamanan itu sendiri, malahan juga untuk pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Kerana pembangunan dan ekonomi yang mantap tidak mungkin tercapai, kecuali dengan adanya keamanan. Lihat sahajalah setengah negara di dunia, yang tidak dapat membangun, atau lambat membangun, kerana menghadapi gangguan-gangguan keamanan." - Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-50.



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi dengan syirik dan maksiat sesudah Allah memperbaikinya dengan mengutus rasul-rasul dan menetapkan syariat-Nya dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan takut kalau-kalau tidak akan diterima dan penuh harapan supaya dimakbulkan. Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang berbuat kebaikan." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al 'Araf, ayat 56).

Waktu Sembahyang

IMSAK

SUBUH

SYURUK

DUHA

ZUHUR

ASAR

MAGHRIB

ISYAK

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 105

2 SEPTEMBER 2017 / 10 ذوالحجه 1438

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Allah mengurniakan ganjaran kepada orang yang sabar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1438 Hijrah / 2017 Masihi di Istana Nurul Iman.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, jika seseorang konsisten melakukan ketaatan, bermakna orang itu adalah seorang yang sabar, kerana ketaatan tidak mungkin berlaku tanpa adanya kesabaran.

Sebagai misalan titah baginda, orang yang berpuasa adalah orang sabar, kerana tanpa sabar, ibadat puasa tidak mungkin dapat dilakukan.

Sebab itulah jelas baginda, Allah Subhanahu Wata'ala sangat menyukai orang-orang yang sabar, sebagaimana maksud ayat dalam Al-Quran, dan malah Allah akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang tidak terbatas.

"Demikian maksudnya sifat sabar itu. Dengan sabar kita dapat memelihara dan menyempurnakan ibadat, dan dengan sabar juga kita mampu untuk meraih kejayaan dalam apa jua bidang pekerjaan. Inilah berkat sabar bagi orang-orang Islam," titah baginda lagi.

Bertitah sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1438 Hijrah / 2017 Masihi di Istana Nurul Iman, di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, kalau Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail diuji dengan nyawa, mengapakah kita yang cuma diuji dengan ibadat dan melaksanakan hukum-hakam dalam kehidupan ini, tidak sanggup kita tunaikan?

Ke muka 2

Semangat rela berkorban memperkasa daya tahan

Oleh : Dk Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said



Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta

33 Hari Lagi

TANAH JAMBU, Khamis, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertitah, memperkenalkan satu perubahan dasar baru bagi pengendalian latihan dan pengambilan Pegawai-Pegawai Kadet, dari dua sesi pengendalian kepada satu sesi pengendalian pada setiap tahun.

Perubahan dasar baru tersebut

titah baginda, akan lebih memberi fokus dalam usaha kita untuk meningkatkan lagi keberkesanan latihan.

"Demikian juga, objektif dasar baru ini adalah dihasratkan untuk menambahkan lagi mutu latihan dan pendidikan, seperti yang dirancang.

Apapun rancangan atau langkah yang diambil, semuanya bertujuan untuk meningkatkan kualiti, khasnya bagi piawaian latihan dan modul-modul pelajaran.

Ini turut menyangkut penerokaan peluang-peluang kerjasama dengan institusi-institusi latihan, sama ada di dalam mahupun di luar negara," titah baginda pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Keenam Belas Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan (AP) ABDB di Padang Kawad, AP ABDB, Tanah Jambu, di sini.

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri



Muka 8

BUKU 'Inspirasiku' semai semangat jati diri pelajar



Muka 11

PENGGREDAN tingkatkan mutu perkhidmatan kantin sekolah

Perintah Allah wajib dipatuhi

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 September. - Semua orang beriman tidak sunyi dari menerima ujian Allah Subhanahu Wata'ala kerana ujian itu bertujuan untuk mengukur sejauh mana iman dan kesabaran kita.

Jika iman memang tebal di dada, maka orang yang demikian itu akan berjaya menghadapi ujian, walaupun seberat mana ujian tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi malam tadi, di Istana Nurul Iman, di sini.

Titah baginda lagi, contoh ujian paling berat, ialah ujian ke atas Nabi Ibrahim dan putera Baginda, Nabi Ismail 'Alaihimassalatu Wassalam, di mana mereka telah diuji oleh Allah dengan satu tuntutan luar biasa mesti berkorban.

"Nabi Ibrahim 'Alaihissalam telah diminta oleh Allah untuk mengorbankan puteranya, Nabi Ismail, supaya putera itu disembelih hidup-hidup. Bayangkan, bapa manakah yang sanggup menyembelih anak dan bayangkan juga anak manakah yang bersedia untuk disembelih oleh bapa?" titah baginda.

Tetapi inilah perintah Allah tegas

baginda, dan apa jua bentuk perintah, semua itu adalah wajib diikuti atau dipatuhi.

Demi ketaatan ujar baginda, Nabi Ibrahim tetap mematuhi perintah Allah, bahkan, bukan Nabi Ibrahim sahaja yang patuh, tetapi puteranya Nabi Ismail juga tidak membantah untuk dia disembelih.

"Inilah contoh 'taat' yang tiada tolak bandingnya. Kerana taat Nabi Ibrahim sanggup menyembelih puteranya dan kerana taat juga, putera yang masih kanak-kanak ini tidak membantah untuk disembelih," jelas baginda.

Dari peristiwa ini, titah baginda lagi, kita mendapat gambaran, betapa setiap perintah Allah itu adalah wajib ditaati.

Kebawah Duli Yang Maha seterusnya

bertitah, kita umat yang datang kemudian sangat beruntung tidak diuji dengan ujian yang terlalu berat, seperti ujian ke atas Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail. Kita hanya diuji dengan perintah melakukan ibadat dan melaksanakan hukum-hukum syariat sahaja.

Dalam ibadat misalnya, titah baginda, kita diuji dengan perintah mendirikan sembahyang, berpuasa pada bulan Ramadan dan lain-lain.

Sementara yang berkaitan dengan syariat, titah baginda lagi, kita diuji untuk memilih yang halal dan menjauhi yang haram, termasuk menghukum dengan undang-undang Allah dan sebagainya.

"Ini saja 'ujian tanggungjawab' yang dituntut ke atas kita. Konsepnya adalah sama : Wajib dipatuhi. Tidak boleh dilanggar, jika dilanggar, hukumnya adalah haram dan berdosa," tegas baginda.

"NABI Ibrahim 'Alaihissalam telah diminta oleh Allah untuk mengorbankan puteranya, Nabi Ismail, supaya putera itu disembelih hidup-hidup. Bayangkan, bapa manakah yang sanggup menyembelih anak dan bayangkan juga anak manakah yang bersedia untuk disembelih oleh bapa?" titah baginda. Tetapi inilah perintah Allah tegas baginda, dan apa jua bentuk perintah, semua itu adalah wajib diikuti atau dipatuhi.

Allah mengurniakan ganjaran kepada orang yang sabar

Dari muka 1

"Sepatutnya senario ini membawa keinsafan kepada kita, bahawa setiap ujian itu ada hikmahnya. Kerana Allah tidak menguji kosong, tetapi mahu melihat siapakah di antara hamba yang diuji itu yang mampu bersabar dengan ujian?" tambah titah baginda.

Baginda dalam titahnya juga menyeru agar kita sama-sama berdoa semoga

Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita orang-orang yang sentiasa berhis dengan sifat sabar, khasnya bagi para jemaah kita yang sedang menyempurnakan ibadat haji di Tanah Suci.

Titah baginda, sebagaimana kita sama-sama maklum, pada ketika inilah banyak kesukaran atau ujian yang dialami oleh para jemaah dari seluruh dunia. Semoga dengan berkat kesabaran itu titah baginda, para jemaah kita

insyaaAllah akan beroleh haji yang mabrur.

Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta keluarga baginda dengan sukacitanya mengambil peluang mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana juga mereka berada.

Dari Sidang
Pengarang.

2 SEPTEMBER 2017 BERSAMAAN 1438 ذوالحجه 10

BERKORBAN DENGAN MEMPERKASA 'DAYA TAHAN' BANGSA

SEKOLAH Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan (AP) ABDB di Tanah Jambu, pada Khamis 31 Ogos lepas telah berjaya melahirkan seramai 32 orang Pegawai Kadet di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-16 setelah berjaya mengharungi latihan intensif selama 52 minggu.

Dengan lahirnya Pegawai-Pegawai Kadet itu, telah memperkukuhkan lagi konsep dan objektif Sekolah Pegawai Kadet sebagai Akademi Pertahanan ABDB yang dihasratkan sebagai satu *centre of excellence* yang cemerlang dan dikenali serta mampu untuk melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berwibawa dan berkualiti tinggi dan mampu untuk menaungi tanggungjawab yang besar dan siap sedia untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran yang lebih mencabar pada masa akan datang iaitu menepati misi dan tujuan Akademi Pertahanan.

Hasrat tersebut juga adalah sejajar dengan moto Sekolah Pegawai Kadet ABDB, iaitu 'Setia, Takwa dan Berani' dan mencapai aspirasi Kementerian Pertahanan untuk melahirkan barisan pertahanan yang *robust, responsive*, dan efisien. Kerana Pegawai-Pegawai Kadet yang telah terpilih menyertai latihan Pegawai Kadet merupakan harapan bangsa untuk mendukung aspirasi keamanan dan keselamatan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika bertitah di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-16 tersebut mengingatkan pegawai-pegawai kadet agar mereka memahami dan mendalami erti pengorbanan, khususnya pengorbanan untuk ugama, bangsa dan negara.

Baginda bertitah bahawa pengorbanan tidak ada titik akhirnya. Ia berlaku selama hayat dikandung badan. Semangat rela berkorban sama sekali tidak boleh padam. Kerana jika padam, maka lemahnya 'daya tahan' bangsa. Sebagai langkah ke arah itu, ialah dengan membangun strategik yang lebih teratur perlu ditangani, serta juga latihan-latihan Pegawai Kadet juga terus dipertingkatkan.

Bagi tujuan itu, baginda telah memperkenankan satu perubahan dasar baru bagi pengendalian latihan dan pengambilan Pegawai-Pegawai Kadet, iaitu dari dua sesi pengendalian kepada satu sesi pengendalian pada setiap tahun.

Perubahan dasar baru tersebut akan lebih memberi fokus dalam usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan latihan di samping menambahkan lagi mutu latihan dan pendidikan, seperti yang dirancang termasuk penerokaan peluang-peluang kerjasama dengan institusi-institusi latihan, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Hasrat baginda itu bertepatan dengan fokus dan keutamaan Kementerian Pertahanan, untuk mengambil pendekatan berdaya maju yang terbaik dalam meningkatkan keberkesanan dalam menyelaraskan strateginya ke arah memantapkan perlindungan isu-isu kepentingan negara; Menambah baik tahap kesiapsiagaan dari segi keupayaan tentera untuk menjamin keselamatan negara dan lain-lain lagi.

Di sinilah letaknya peranan para Pegawai Kadet yang berkemahiran untuk meningkatkan kapasiti dan produktiviti sumber tenaga manusia, yang memerlukan modal insan berkemahiran, berpengetahuan dan dinamik yang sentiasa berusaha meningkatkan tahap produktiviti melalui keupayaan teknologi dan inovasi agar daya tahan mereka tidak lemah dan seterusnya akan berupaya memperkasa bangsa dan negara.

Merekalah benteng kepada keamanan dan kesejahteraan negara, oleh itu dan kemampuan, bukan sahaja kepada pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) malah kepada rakyat dan negara, kerana di samping negara, pastinya rakyat menaruh harapan tinggi kepada mereka untuk menjaga keamanan dan keselamatan dan seterusnya mempertahankan kedaulatan negara.

Lebih-lebih lagi dengan perkembangan dan trend jenayah terkini yang amat memerlukan kita mempunyai kelebihan pertahanan yang mantap, ini bukan sahaja dari segi taktik, teknik dan kemahiran, malah peralatan canggih, di mana pastinya keamanan dan ketenteraman awam tidak akan tergugat. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

Ramalan Cuaca 3 Hari			
SABTU	AHAD	ISNIN	
BANDAR SERI BEGAWAN			
 32°C / 25°C	 31°C / 25°C	 31°C / 25°C	
MUARA			
 32°C / 25°C	 31°C / 25°C	 32°C / 25°C	
PEKAN BASGAR			
 32°C / 24°C	 32°C / 24°C	 32°C / 24°C	
PEKAN TUTONG			
 32°C / 24°C	 32°C / 24°C	 32°C / 24°C	
PEKAN SERIA			
 32°C / 25°C	 31°C / 25°C	 32°C / 25°C	
MUARA BELAIT			
 32°C / 25°C	 31°C / 25°C	 32°C / 25°C	

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi SEPTEMBER	HARI	Hijrah ZULHIJJAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
2	SABTU	10	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.27	6.26	7.36
3	AHAD	11	4.46	4.56	6.14	6.36	12.21	3.26	6.26	7.35
4	ISNIN	12	4.46	4.56	6.14	6.36	12.20	3.25	6.25	7.35
5	SELASA	13	4.46	4.56	6.13	6.36	12.20	3.24	6.25	7.34
6	RABU	14	4.46	4.56	6.13	6.35	12.20	3.23	6.24	7.34
7	KHAMIS	15	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.22	6.24	7.33
8	JUMAAT	16	4.45	4.55	6.13	6.35	12.19	3.20	6.23	7.33

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123	NDMC 2380214
---------------------	-----------------	--------------	--------------	-------------------	---	-----------------

Berangkat ziarahi jenazah YAM Pengiran Kerma Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu Kamaluddin di kediamannya di Kampung Pancha Delima.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Abdul Wahab telah kembali ke rahmatullah hari ini, jam 9.15 pagi, ketika berusia 86 tahun.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga sama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham YAM Pengiran Kerma Negara dilahirkan pada Jumaat, 16 Jamadilawal 1349 bersamaan dengan 10 Oktober 1930, di Kampung Pengiran Bendahara Lama, Pekan Brunei, meninggalkan lapan orang anak, 43 orang cucu dan 52 orang piut.

Pernah menuntut di



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Abdul Wahab bin Pengiran Sabtu Kamaluddin dan seterusnya menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

Sekolah Melayu, Jalan Sultan, Pekan Brunei, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) dan pernah bertugas sebagai Pegawai Tanah, di Jabatan Tanah, Negara Brunei Darussalam. Allahyarham YAM Pengiran Kerma Negara juga merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan pernah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat (1983 - 2002).

Atas titah perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Allahyarham YAM Pengiran Kerma Negara diangkat menjadi Cheteria 16, 'Pengiran Kerma Negara' pada Sabtu, 20 Safar 1388 bersamaan dengan 18 Mei 1968.

Allahyarham YAM Pengiran Kerma Negara dikurniakan dengan beberapa Bintang

Kebesaran dan Pingat Kehormatan, antaranya ialah Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (Dato Seri Paduka) pada tahun 1979; Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua (Dato Setia) pada tahun 1970; Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga pada 1 Ogos 1968; Pingat Sultan Hassanal Bolkiah pada tahun 1968; Pingat Kerja Lama pada tahun 1969 dan Pingat Perjuangan pada tahun 1968.

Semasa hayatnya, Allahyarham YAM Pengiran

Kerma Negara pernah ditugaskan selaku Pengetua bagi Hal Ehwal Keamanan Tentera dan bertanggungjawab memerhatikan keadaan pekerjaan yang dibuat oleh rakyat serta penduduk negara supaya tercapai faedahnya juga mengadakan penyelidikan dan pengkajian dari semasa ke semasa mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disebarkan kepada sultan sebagai nasihat, di samping aktif membuat kerja kebajikan.

Jenazah Allahyarham YAM disemadikan di Kubah Makam Diraja, di sini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Abdul Wahab di kediamannya di Kampung Pancha Delima.

Semangat rela berkorban memperkasa daya tahan

Dari muka 1

Titah baginda, dalam makna, semua ini boleh saja dilakukan, baik secara dalaman mahupun penglibatan pusat-pusat latihan negara-negara lain, sebagai usaha menambah nilai yang diperlukan.

Terdahulu, Kebawah DYMM juga merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kepada 32 orang Pegawai Kadet yang telah berjaya mengharungi latihan intensif selama 52 minggu.

Baginda yakin bahawa mereka ini telah berjaya menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Kejayaan itu pula, titah baginda, sudah tentu turut bersebab dari adanya sokongan padu para ibu bapa.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, Upacara Sovereign's Parade pada kali ini adalah lebih bermakna, kerana ianya berlangsung dalam suasana menjelang Hari Raya 'Idil Adha, yang dikenali juga sebagai Hari Raya Korban.

Ini, titah baginda, memperkukuh lagi konsep dan objektif Sekolah Pegawai Kadet untuk melahirkan pegawai-pegawai yang benar-benar memahami dan mendalami erti pengorbanan.

Pengorbanan yang dimaksudkan, titah baginda, tidak lain ialah untuk agama, bangsa dan negara tercinta.

"Beta sukacita mengingatkan, bahawa semua pengorbanan tidak ada titik akhirnya. Ia berlaku selama hayat dikandung badan.

Semangat rela berkorban, sama sekali tidak boleh padam. Kerana jika padam, maka lemahlah 'daya tahan' bangsa.

Bayangkan, kalau 'daya tahan' ini lemah, maka apakah yang dapat dibuat lagi untuk memperkasa bangsa dan negara?," titah Kebawah DYMM.

Kerana itu, titah baginda, sebagai langkah ke arah memperkasa 'daya tahan' tersebut, maka pembangunan strategik yang lebih teratur perlulah ditangani, serta juga latihan-latihan Pegawai Kadet hendaklah dipertingkatkan lagi.

Sebelum mengakhiri titah, baginda melahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga AP ABDB, khususnya, Komandan AP, Pegawai Pemerintah Sekolah Pegawai Kadet, Pegawai-Pegawai dan 'Colour Sergeants' serta semua jurulatih yang telah gigih dalam melatih dan mendidik Pegawai-Pegawai Kadet sehingga ke peringkat ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan mengurniakan titah pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16 di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP) ABDB di Kampung Tanah Jambu.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB ketika memeriksa Pasukan Perbarisan di bawah perintah Pegawai Perbarisan, 928 Leftenan Madya Muhd. Adib Izzuddin bin Haji Ramli, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Pegawai Kadet pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16.

Perutusan tahniah ke Republik Sosialis Viet Nam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral Tran Dai Quang dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc dan juga kerajaan serta rakyat Viet Nam sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Viet Nam yang Ke-72.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Jeneral Tran Dai Quang dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc dan juga kerajaan serta

rakyat Viet Nam sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Viet Nam yang Ke-72.

Dalam titah perutusan kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, TYT Jeneral Tran Dai Quang, Kebawah DYMM menzahirkan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis

Viet Nam telah sekian lama menjalin hubungan mesra yang dikongsi bersama berdasarkan ikatan persahabatan dan saling percaya mempercayai dan seterusnya berharap akan dapat meneruskan kerja bersama untuk mengukuhkan lagi perkongsian di bidang dua hala dan serantau.

Dalam kesempatan ini, baginda seterusnya berharap TYT akan terus beroleh kejayaan dalam menguruskan Mesyuarat APEC dan seterusnya akan menjadi tuan rumah di Mesyuarat Ketua-Ketua APEC pada bulan November ini.

Sementara itu, dalam titah perutusan kepada Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, TYT Nguyen Xuan Phuc, Kebawah DYMM amat menghargai persahabatan yang erat dan kerjasama yang rapat yang dinikmati oleh Negara Brunei Darussalam dan Republik Sosialis Viet Nam dan seterusnya berharap beroleh peluang-peluang baharu bagi meningkatkan lagi ikatan dan kerjasama serantau yang sudah lama terjalin dalam ASEAN dan APEC.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan itu, baginda menyampaikan salam muhibah dan kegembiraan kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, TYT Jeneral Tran Dai Quang dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, TYT Nguyen Xuan Phuc serta rakyat republik berkenaan sempena menyambut hari perayaan tersebut.

Berkenan menghantar perutusan tahniah ke Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanca Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Malaysia, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak serta kerajaan dan rakyat Malaysia, bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-60 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak serta kerajaan dan rakyat Malaysia, bersempena dengan Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-60 Tahun.

Di dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia yakin di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, kerajaan serta rakyat Malaysia akan terus menikmati kestabilan dan kemakmuran yang berpanjangan.

Baginda menghargai hubungan silaturahim serta kerjasama yang erat dan mesra yang telah sekian lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, yang mana baginda juga yakin hubungan ini akan terus berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat kedua-dua buah negara.

Sementara itu, dalam titah perutusan baginda kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, baginda menitahkan bahawa sepanjang jangka tempoh tersebut, rakyat Malaysia telah menikmati kestabilan dan kemakmuran yang berpanjangan berkat usaha gigih serta dedikasi pemimpin dan kerajaan Malaysia dalam meningkatkan imej negara di persada dunia.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia menikmati tali persaudaraan dan jalinan persahabatan yang akrab dan mesra, dan seterusnya yakin bahawa kedua-dua belah pihak akan terus memupuk dan mengukuhkan lagi hubungan tersebut ini di masa-masa

akan datang.

Pada mengakhiri perutusan-perutusan tersebut, baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong serta keluarga diraja sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan di bawah pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Begitu juga kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor dan keluarga serta kerajaan dan rakyat Malaysia semoga sentiasa menikmati keamanan dan kemakmuran yang berpanjangan.

Berkenan menerima mengadap



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Puan Maria Renee Juan-Wolff.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Puan Maria Renee Juan-Wolff.

DPPW menerima mengadap

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato.

Tuan Yang Terutama telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 10 Ogos lalu.

Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, di sini.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato.



Penutupan jalan raptai Sambutan Jubli Emas

Siaran Akhbar : Urusetia Jawatankuasa Sektor Perarakan Jubli Emas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 September. - Raptai Istiadat Perarakan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta akan dijalankan pada malam Ahad, 12 Zulhijjah 1438 Hijrah bersamaan 3 September 2017 Masihi, jam 10.00 malam.

Menurut Siaran Akhbar Urusetia Jawatankuasa Sektor Perarakan Jubli Emas, sehubungan itu, beberapa batang jalan akan ditutup, tertakluk pada keadaan lalu lintas pada masa itu, bagi laluan kenderaan awam bagi penyaliran dan kelancaran sesi raptai yang dirancang sehingga selesai acara raptai tersebut dijalankan.

Jalan-jalan yang akan ditutup bagi lencongan dan seterusnya dikawal selia pada Ahad, 3 September 2017 bermula jam 8.00 malam ialah Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha kawasan U-Turn Taman Rekreasi Persiaran Damuan, Jalan Pengiran Babu Raja simpang Jalan Permaisura, Sepanjang Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha simpang-simpang rumah kediaman, Jalan Chempaka, Lampu Isyarat Jalan Kubah Makam Diraja dihalakan masuk ke Jalan Pehin Laksama Abdul Razak, Jalan Lebuh Raya Sultan Hassanul Bolkiah dihalakan naik ke Jalan Putera Al-Muhtadee Billah, Lampu Isyarat Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha simpang turun dari Lebuh Raya Sultan Hassanul Bolkiah (dekat mahkamah), Lampu Isyarat Jalan Haji Basir simpang Jalan Kumbang Pasang, Jalan Dato Taib simpang Jalan Padang, Lampu Isyarat Jalan Tasek simpang Jalan

Stoney, Jalan Bendahara simpang kawasan letak kereta Jalan Bendahara, Jalan Elizabeth II simpang letak kereta bangunan Taib, Jalan Pemancha simpang Jalan Lorong Bebatik, Jalan Cator simpang Jalan Lorong Jintan Manis, Lampu Isyarat Jalan Kianggeh simpang Jalan Mc Arthur, Lampu Isyarat Jalan Mc Arthur simpang Jalan Pretty, Lampu Isyarat Jalan Masjid SOAS simpang Jalan Elizabeth II dan Jalan Stoney simpang Jalan Sumbiling.

Penutupan jalan dibuat adalah bagi tujuan pengosongan Jalan di kawasan-kawasan yang disebutkan di atas bagi kelancaran Raptai Istiadat Perarakan yang akan dijalankan.

Manakala jalan-jalan yang akan dikawal selia oleh anggota Polis Trafik adalah di sepanjang Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), sepanjang Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS), sepanjang Jalan Mc Arthur,

sepanjang Jalan Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) dan sepanjang Jalan Stoney.

Beberapa kawasan juga telah dikenal pasti bagi pengosongan kenderaan dan tegahan untuk meletak kenderaan bagi memberi laluan serta kelancaran Raptai Istiadat Perarakan Sambutan Jubli Emas.

Pengosongan kenderaan dan tegahan untuk meletak kenderaan bermula jam 5.30 petang adalah di sepanjang Jalan Masjid SOAS kiri serta kanan untuk kedua-dua hala, sepanjang Jalan Mc Arthur kiri dan kanan untuk kedua-dua hala, sepanjang Jalan Kianggeh kiri juga kanan untuk kedua-dua hala, sepanjang Jalan Elizabeth II belakang pentas diraja dan sepanjang Jalan Pretty.

Sehubungan itu, pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) khususnya Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas memohon kerjasama daripada orang ramai dan kepada pengguna-pengguna

lalu lintas khususnya agar dapat memberikan kerjasama dan sama-sama bertolak ansur bagi kesejahteraan semua pihak, memberi kerjasama serta mengikut arahan Polis Trafik yang bertugas.

Pihak PDB juga memohon kerjasama kepada pengguna-pengguna lalu lintas agar tidak meletakkan kenderaan di kawasan-kawasan atau jalan-jalan yang telah dikenal pasti dinyatakan di atas.

Andai sekiranya didapati kenderaan-kenderaan ada diletakkan di kawasan-kawasan yang ditegah, pihak PDB akan mengambil tindakan untuk menarik kenderaan tersebut bagi tujuan pemindahan dan memastikan kelancaran acara.

Untuk makluman semua, PDB sekali lagi ingin memaklumkan dan mengingatkan kepada orang ramai yang mana penutupan jalan pada 3 September 2017 bagi raptai adalah akan bermula jam 8.00 malam.

Sukan SEA Ke-29 berakhir, Malaysia juara keseluruhan



PADUKA-PADUKA adinda dan anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berangkat menyertai Kontinjen Negara Brunei Darussalam dalam perbarisan lalu (atas dan kanan).

KUALA LUMPUR, Rabu, 30 Ogos. - Obor Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur 2017 yang menyala selama 12 hari di Stadium Bukit Jalil dipadamkan sejurus pengisytiharan penutupan rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

Paduka-paduka adinda dan anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

'Azemah Ni'matul Bolkiah berangkat menyertai Kontinjen Negara Brunei Darussalam dalam perbarisan lalu.

Sukan SEA Ke-29 melabuhkan tirainya dengan menyaksikan kejayaan kontinjen tuan rumah Malaysia juara keseluruhan berjaya mengutip 145 pingat emas, 92 pingat perak dan 86 gangsa dengan 323 jumlah pungutan pingat pada temasya sukan berprestij Asia Tenggara edisi kali ini.

Manakala itu, Kontinjen Thailand memperoleh 72 pingat emas, 86 perak dan 88 gangsa dengan keseluruhan 246 pingat menduduki tempat kedua, diikuti dengan Viet Nam tempat ketiga membawa pulang 58 emas, 50 perak dan 50 gangsa, 168 keseluruhan pingat.

Kontinjen Negara Brunei Darussalam turut mempamerkan peningkatan prestasi dengan mengumpul 14 pingat keseluruhan dengan 5 pingat perak dan 9 pingat

gangsa yang disumbangkan melalui sukan polo, sepak takraw, pencak silat, wushu, boling padang, karate dan bola jaring cukup membanggakan jika dibandingkan dengan pencapaian pada Sukan SEA Ke-28 lalu di Singapura dengan hanya 7 pingat keseluruhan.

Penutupan temasya sukan dwitahunan itu berlangsung gilang-gemilang dan penuh warna-warni yang memfokuskan tema 'Bangkit Bersama' sebagai simbolik kemenangan selepas mencipta kemahiran selepas mencipta kemenangan, di samping mewujudkan persefahaman dan persahabatan kepada semua melalui persaingan sukan.

Upacara bermula dengan kira-kira 87,411 penonton dihiburkan dengan persembahan muzik dan diikuti dengan perbarisan masuk kontinjen-kontinjen, sukarelawan-sukarelawan dan kemudiannya diserikan lagi dengan persembahan nyanyian oleh artis terkenal Malaysia yang



Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



bertemakan 'Bangkit Bersama'. Kemudian diteruskan dengan penyerahan bendera Persekutuan Sukan Asia Tenggara kepada Republik Filipina selaku negara

penganjur Sukan SEA Ke-30 pada tahun 2019 nanti sambil menyaksikan obor Sukan SEA Ke-29 dipadamkan simbol berakhirnya temasya sukan tersebut.



SETIAUSAHA Hal Ehwal Luar Negara yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Ke-30, Alan Peter Cayetano mengibarkan Bendera Rasmi Persekutuan Sukan ASEAN di mana Republik Filipina akan menjadi tuan rumah bagi Sukan SEA Ke-30 pada tahun 2019.



UPACARA Penurunan Bendera Rasmi Sukan SEA Ke-29 Kuala Lumpur.

Tabiat membaca efektif tingkatan tahap literasi dan numerasi



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Skop membaca patut mencakupi kesedaran dalam penggunaan strategi pembacaan dan tabiat membaca yang efektif, yang mana menurut kajian dari 'Programme for International Student Assessment' (PISA) telah menunjukkan bahawa kedua-dua faktor itu mempunyai korelasi yang tinggi dengan kecekapan membaca para pelajar.

Menurut Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai strategi dan tabiat pembacaan yang efektif akan berasa keseronokan membaca berbanding dengan mereka yang

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

tidak membaca.

Berucap pada Majlis Pelancaran Buku 'Inspirasiku' yang berlangsung di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, kajian penilaian PISA 2018 nanti dapat mengukur strategi dan tabiat membaca para pelajar di negara ini dan hasil kajian itu akan menjadi ukuran asas kecekapan membaca dalam kalangan pelajar yang berumur 15 tahun di Negara Brunei Darussalam.

Ke arah itu katanya, langkah-langkah yang berkesan perlu dilaksanakan antaranya; membiasakan pelajar-pelajar menjawab soalan-soalan PISA (*released items*) yang menuntut pelajar untuk meneroka, menaakul (*reasoning*) dan memberikan penjelasan; pelaziman guru mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti menukar teknik penyediaan yang lebih merangsang dan dapat mencungkil kemahiran berfikir ke arah lebih kreatif dan inovatif; memfokuskan kemahiran

berinteraksi dan berkomunikasi dalam kalangan pelajar; dan menggubal dan mengemukakan soalan-soalan kemahiran berfikir aras tinggi (High Order Thinking) serta memberikan tugas yang bersesuaian.

"Selaras dengan itu, pihak sekolah juga diseru untuk menggiatkan Program Bimbingan Literasi dan Numerasi bagi sekolah rendah dan menengah sebagai usaha untuk meningkatkan tahap literasi dan numerasi pelajar-pelajar di negara ini.

Program ini, bukan saja berhubung kait bagi meningkatkan tahap kecekapan bacaan tetapi juga sebagai penumbuh minat membaca para pelajar yang sewajarnya dilakukan sejak usia dini lagi," ujar Yang Berhormat.

Buku 'Inspirasiku' semai semangat jati diri pelajar



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman melancarkan Sudut 'Inspirasiku' di Bilik Perpustakaan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Amalan suka membaca perlu dipupuk dari peringkat awal terutama ketika di bangku sekolah lagi dengan pendedahan dan bimbingan bagi pelbagai bahan bacaan yang bersesuaian termasuklah yang berkaitan dengan pembangunan

negara dan survival bangsa.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum mengambil inisiatif untuk memperkenalkan buku teras yang mesti dibaca kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah secara berfasa.

Buku bacaan teras tersebut akan dikenali sebagai Buku Bacaan 'Inspirasiku' bagi membangkitkan semangat jati diri bangsa, agama dan tanah air serta cintakan ilmu hasil cetusan minda dari buku yang dibaca.

Ke arah itu, jabatan berkenaan telah mengenal pasti tema-tema

yang bersesuaian yang akan dimuatkan ke dalam Buku 'Inspirasiku', iaitu aspek sejarah dan pembangunan Brunei, kedaulatan ugama Islam, kesultanan, pendidikan, ekonomi, adat istiadat dan sosial.

Majlis Pelancaran Buku 'Inspirasiku' telah diadakan di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) yang dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi selaku Pengerusi Majlis menjelaskan, Jabatan Perkembangan Kurikulum telah dan sedang berusaha untuk menggalakkan dan membudayakan minat membaca dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan tahap literasi di negara ini.

Tambahan, inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan itu antaranya menerbitkan buku-buku bacaan mengenai kesultanan Brunei bagi sekolah rendah adalah sebagai salah satu usaha untuk memupuk dan mengukuhkan semangat cintakan sejarah tanah air, agama, raja dan negara.

Majlis diteruskan dengan

pelancaran Buku 'Inspirasiku', iaitu Buku Sejarah Kesultanan Brunei; Buku Meraih Berkat Dalam Pembangunan Sains dan Teknologi; dan Buku Log Program Budaya Membaca, yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Keistimewaan buku tersebut itu memuatkan hasil penulisan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan tempatan yang dihasrat dapat memberi inspirasi kepada para pelajar dalam memperkasakan generasi untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dan konsep Negara Zikir.

Pada majlis itu, Menteri Pendidikan juga menyaksikan pameran yang diadakan di kawasan dewan sekolah dan seterusnya melancarkan Sudut Inspirasiku di Bilik Perpustakaan STPRI yang menempatkan Buku-Buku Bacaan 'Inspirasiku'.

Pelancaran sudut berkenaan merupakan manifestasi bahawa setiap sekolah rendah dan menengah akan mempunyai Sudut Inspirasiku di bilik perpustakaan masing-masing.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

MoU penerbitan buku tulisan Mufti Kerajaan dimeterai

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) khususnya nukilan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, seorang tokoh ilmuwan tempatan akan diperkenalkan dan dibekalkan ke sekolah-sekolah menengah kerajaan dari semasa ke semasa.

Penerbitan buku-buku tulisan Yang Berhormat Mufti Kerajaan tersebut adalah untuk dijadikan sebagai buku-buku bacaan 'Inspirasiku' bagi bahan bacaan para pelajar.

Sehubungan itu, satu Majlis Penandatanganan Memorandum

Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Pendidikan dengan JMK bagi Penerbitan Buku-buku Tulisan Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Majlis berlangsung di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Pendidikan ialah Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawi, manakala



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Mufti Kerajaan bagi Penerbitan Buku-buku Tulisan Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

menandatangani bagi pihak JMK ialah Pemangku Pengarah Pentadbiran, Awang Haji Saiful Nizam bin Haji Sulaiman.

Manakala saksi bagi pihak Kementerian Pendidikan ialah Penolong Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Zulkifli

bin Haji Md. Yusuf dan saksi bagi pihak JMK ialah Ketua Qismulhikmah, Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha.



Apa Pendapat Biskita?

Sistem Smart Q

JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, (JIPK) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengenalkan Sistem Smart Q bertujuan untuk memudahkan orang ramai menempah slot *queue* pendaftaran kad pengenalan lebih awal mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan menggunakan Aplikasi QueUP yang boleh dimuat turun dari Appstore atau Googleplay.

Antara kemudahan Sistem Smart Q ialah tiada lagi keperluan untuk beratur awal bagi mendapatkan nombor giliran disebabkan telah membuat tempahan jenis-jenis perkhidmatan kad pengenalan pada masa-masa yang dipilih, meningkatkan efisiensi dan produktiviti dengan mengurangkan masa menunggu bagi pelanggan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan serta mengurangkan waktu yang terbuang bagi pelanggan.

Pelita Brunei menghubungi beberapa orang ramai mengenai sistem tersebut.

- "Bagi saya, Sistem Smart Q adalah sangat mudah serta menjimatkan dari segi masa, kita tidak perlu lagi mengalami sistem yang sebelumnya untuk beratur dan menunggu giliran yang mana sangat-sangat membuang masa yang lama.

Dengan Sistem Smart Q kitani boleh membuat urusan dari rumah dengan hanya menggunakan sistem *online* melalui telefon mudah alih.

Sistem yang diperkenalkan mudah dan ringkas serta menjadi keutamaan orang kitani masa kini," **Sarina, Mengkubau.**

- "Ada kebaikan dan keburukannya JIPK memperkenalkan Sistem Smart Q bagi pendaftaran kad pengenalan dengan hanya membuat permohonan secara *online* melalui telefon mudah alih dengan lebih dahulu memuat turun aplikasi QueUP dari Appstore atau 'Googleplay'.

Tetapi satu hal yang perlu diingat ialah apabila terjadi *system down* atau gangguan internet ketika hendak mengambil nombor giliran kerana sistem yang ada tidak dapat diakses oleh JIPK dan pemohon, sedangkan permohonan telah dibuat, bagaimana pihak JIPK mengatasi masalah ia terjadi, adakah pemohon membuat permohonan secara manual menggunakan borang (*hard copy*) atau menunggu saja sistem kembali pulih," **Rol, Muara.**

- "Kemudahan Sistem Smart Q yang diperkenalkan oleh JIPK secara projek rintis sangatlah bagus dan memudahkan orang ramai khas pemohon-pemohon kad pengenalan, lebih-lebih lagi kitani inda payah beratur dan menunggu lama lagi pun jika sistem benar-benar berkesan semua urusan akan berjalan mudah, tetapi jika sistem *lagging* ia akan lebih menyusahkan daripada memudahkan, tapi apa pun yang dihasratkan oleh JIPK, kitani selaku orang ramai dan pengguna sentiasa menyokong, namun jika berlaku masalah sistem segeralah atasi agar inda menyusahkan pengguna," **Voyager, Rimba.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan tiga tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-mel pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Lesen Treler Perahu.
- ii. Lesen Pekerja Asing.
- iii. Permohonan ABCi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Ogos. - Bagi memberikan panduan dan pandangan mengenai berbagai-bagai aspek yang berhubung kait konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan juga aturan dan peraturan biasiswa kerajaan, Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Ramah Mesra Bersama Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (depan, empat dari kanan) semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran sempena Konvokesyen UBD



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (lima, kanan) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran khusus bagi para bakal graduan sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-29.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Khamis, 31 Ogos. - Bersempena dengan Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-29 pada 7 September ini, UBD telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran khusus bagi para bakal graduan di masjid universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Turut hadir ialah Timbalan

Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan diikuti dengan bacaan Surah Adh-Dhuhaa hingga Surah Al-Masad beramai-ramai.

Disusuli dengan bacaan Tahtim dan Doa Khatam Al-Quran dan

diteruskan dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada para pembimbing dan peserta khatam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh Imam Masjid Universiti.

Bagi persediaan awal menjelang Majlis Konvokesyen, bacaan 30 Juz Al-Quran bagi Majlis Khatam Al-Quran tahun ini telah berlangsung sejak pertengahan bulan Mei yang lalu.

Majlis merupakan salah satu acara tahunan yang diadakan dengan tujuan untuk merayakan para graduan UBD yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka, di samping melaksanakan fardu ain bagi mahasiswa dan mahasiswi yang beragama Islam.

Tekankan konsep MIB kepada penerima biasiswa kerajaan

Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dengan 67 penuntut yang dianugerahkan Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan bagi Sesi Akademik 2017 / 18.

Majlis diadakan di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran

Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Acara dimulakan dengan taklimat bertajuk 'Penghayatan Konsep MIB' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Siri taklimat tersebut merupakan salah satu projek tahunan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan sebelum para penerima biasiswa melanjutkan pengajian masing-masing.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dayang Nadia Lee Siew Hoon bin Abdullah; Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan.

٥٠ تاهون ككل قرار ممرينته دأتس تحت

50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

Ke arah menjamin pembangunan mampan

Oleh : Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

SECARA global, perancangan bandar (*town planning*) diwujudkan bagi menjamin kesihatan dan keselamatan persekitaran di mana pada suatu ketika dulu tanpa perancangan bandar, kehidupan, alam persekitaran dan alam bina di bandar raya-bandar raya utama dunia adalah tidak terurus, tidak terkawal dan *unhygienic*. Dengan itu, perancangan bandar dan desa dijadikan medium untuk mengurus kawasan-kawasan perbandaran dan desa serta mengawal kemajuan.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perancang Bandar dan Desa secara rasminya ditubuhkan pada tahun 1972. Pada ketika itu penekanan adalah keperluan untuk menangani isu kemajuan berjanjar (*ribbon development*) di mana penyediaan pelan-pelan perancangan adalah pada skala kecil dan agak terhad.

Penubuhan Jabatan Perancang Bandar dan Desa diperkukuhkan dengan penggabungan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) 1972 yang dikuatkuasakan pada 19 September 1972. Akta tersebut memperuntukkan fungsi kawalan kemajuan, penguatkuasaan dan penyediaan skim-skim perancangan yang dihadkan kepada kawasan-kawasan yang diistiharkan dan digelar sebagai Kawasan-Kawasan Kawalan Kemajuan (Development Control Area) yang pada ketika itu hanya tertumpu di sepanjang jalan-jalan utama dan meliputi lebih kurang 3.0% dari keluasan NBD.

Lebih kurang 15 tahun setelah penubuhannya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah berjaya menyediakan satu pelan guna tanah komprehensif yang menjadi rangka kerja dan asas rujukan bagi pembangunan fizikal negara. Pelan yang dimaksudkan adalah Pelan Induk NBD 1987 - 2005 (NBD Master Plan 1987 - 2005) yang antara lain telah menggariskan penggunaan zon-zon perancangan (*zoning*), pengenalpastian kawasan-kawasan penempatan baharu yang digelar sebagai Integrated Development Area (IDA), pengenalpastian kawasan-kawasan penjaan ekonomi negara untuk tujuan kemajuan industri, perniagaan dan pertanian, pengenalpastian ruang atau koridor bagi meningkatkan perhubungan melalui rangkaian jalan-raya utama dan sekunder, dan pengenalpastian kawasan-kawasan pemuliharaan, perlindungan, hutan simpan

dan kawasan-kawasan tadahan air bagi mempertahankan khazanah hutan semula jadi negara untuk kepentingan generasi sekarang dan masa akan datang.

Banyak dari cadangan-cadangan utama Pelan Induk tersebut telah terhasil. Ini termasuklah pelaksanaan infrastruktur perhubungan jalan-raya / lebuh raya utama, petempatan baharu kawasan-kawasan perumahan baharu yang sekarang dikenali sebagai Rancangan Perumahan Negara (RPN) seperti Lambak Kanan, Rimba, Mentiri dan Katok dan pemajuan kawasan-kawasan industri, seperti di Serasa, Kapok, Sungai Liang, Sungai Duhon, Serambangun dan sebagainya.

Dengan wawasan persekitaran kondusif untuk gaya hidup yang seimbang bagi menjamin pembangunan mampan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah sekali lagi berjaya menghasilkan Pelan Induk kedua yang digelar Pelan Induk Guna Tanah Negara 2006 - 2025 (National Land Use Master Plan 2006 - 2025) yang merupakan rebiu atau kajian semula Pelan Induk pertama yang telah tamat tempohnya pada tahun 2005.

Bagi tempoh sehingga 2025 dan seterusnya, Pelan Induk kedua ini telah digarap bagi memastikan kesinambungan dalam mempertahankan khazanah hutan semula jadi dan landskap berkepentingan negara, menyarankan kemajuan ditumpukan dalam kawasan yang digelar *urban footprint* sahaja yang antara lain bertujuan untuk mengawal penularan bandar (*urban sprawl*) dengan mengenal pasti pusat-pusat pertumbuhan baharu, *special investigation areas* dan mengusulkan kemajuan yang lebih mampat (*compact*). Ini juga dapat mengoptimalkan penggunaan tanah dengan mengusulkan strategi pembangunan fizikal negara demi mencapai pembangunan mampan. Strategi yang dimaksudkan termasuklah meningkatkan kepadatan tanah (*densification*), menggalakkan kemajuan sisipan (*infill development*) dan kemajuan menegak / tinggi (*vertical development*).

Seterusnya Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga telah menyediakan Pelan-Pelan Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong yang memperincikan dasar-dasar dan cadangan-cadangan Pelan Induk Guna Tanah Negara di peringkat daerah. Dari peringkat daerah, dasar-dasar dan strategi guna-tanah diterjemahkan lagi secara terperinci di peringkat setempat dengan menyediakan Pelan-pelan Setempat (Local Plans) yang juga termasuk Skim-skim Perancangan (Planning Schemes) dan Pelan-pelan Kawasan Tindakan (Action Area Plans). Sehingga kini Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah berjaya menyediakan 24 pelan-pelan kemajuan (*development plans*) utama yang dijadikan rujukan bagi merancang guna tanah negara dan melaksanakan kawalan kemajuan.

Pada tahun 2015, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam, fungsi perancangan bandar dan desa telah dimantapkan lagi dengan penubuhan Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan (MPGK) atau National Land Use Planning Council di mana keahliannya terdiri dari beberapa Menteri-Menteri Kabinet dan Setiausaha-Setiausaha Tetap dari beberapa kementerian. Antara lain, majlis tersebut berperanan untuk mengawal selia penyediaan pelan-pelan pembangunan, meluluskan dan membuat sokongan terhadap pelaksanaan rancangan-rancangan pelan mengikut keutamaan. Selain itu, majlis juga berperanan untuk meneliti dasar dan perundangan perancangan bandar dan desa dan lain-lain perundangan yang berkaitan untuk dikemas kini / diselaraskan.

Dari segi perundangan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah berjaya merebiu Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) 1972 dan seterusnya menyediakan Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2016 yang akan dikuatkuasakan dalam masa terdekat. Bagi mengukuhkan profesionalisme para Jururancang (Town Planner), Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah berjaya menggubal Town Planners Registration Order 2014 yang antara lain bertujuan untuk mengawal selia profesion Jururancang dalam hal pemberian perkhidmatan perancangan bandar dan desa. Bagi memantapkan pelaksanaan kawalan kemajuan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga telah berjaya menggubal undang-undang Peraturan Iklan 2008 (Advertisement Regulations) yang antara lain menggariskan kawalan mempamerkan iklan semata-mata untuk menjamin keselamatan dan keindahan alam


persekitaran. Namun sejak Mac 2016 pentadbiran dan pelaksanaan Peraturan Iklan ini telah pun diambil alih oleh Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI) untuk tujuan penyelarasan.

Dalam hal kawalan kemajuan, di antara kejayaan utama ialah pengisytiharan pembesaran Kawasan Kawalan Kemajuan Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Kemajuan (PBYLKK) dari 3.0% kepada meliputi keseluruhan NBD kecuali kawasan-kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Tutong dan Kuala Belait dan Seria pada 16 Februari 2010. Seterusnya dengan berkuat kuasanya Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2016 nanti, keseluruhan NBD akan diisytiharkan sebagai Kawasan Kawalan Kemajuan.

Bagi melaksanakan Kawalan Kemajuan secara berkesan, pada tahun 1996, Kementerian Pembangunan telah mengenalkan Orang Yang Layak (Qualified Persons - QP) untuk melukis dan menghadapkan pelan-pelan bangunan bagi memastikan hanya mereka yang berkelayakan sahaja yang dapat berbuat demikian dan bertanggungjawab mengenainya. Bagi kemudahan rujukan pihak QP dan pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga telah menerbitkan buku-buku garis panduan perancangan yang menggariskan peraturan dan piawaian (*standards*) tertentu dalam kemajuan perumahan, perniagaan dan industri khususnya. Setakat ini sebanyak 10 garis panduan perancangan telah diterbitkan dan diguna pakai sebagai rujukan.

Dalam meningkatkan pemberian perkhidmatan dan mendukung inisiatif pihak kerajaan untuk meningkatkan kedudukan negara dalam Ease of Doing Business (EoDB) khususnya Dealing With Construction Permit (DWCP), Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan kepada proses dan prosedur mengeluarkan Kebenaran Perancangan bagi permohonan bangunan dan terkini mewujudkan kemudahan menghadapkan permohonan secara dalam talian (*online*).

Melalui rangka kerja guna tanah fizikal negara yang komprehensif ini, yang telah dan dengan mengambil kira hakikat bahawa tanah adalah sumber yang terhad dan *finite*, serta keluasan tanah yang dapat dimajukan dengan mudah (*easily developable*) di NBD semakin berkurangan, InsyaAllah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan masih dapat memenuhi kehendak pembangunan semasa dan menyeimbangkannya dengan keperluan pemuliharaan dan perlindungan untuk generasi masa akan datang bagi menjamin pembangunan mampan.



NATIONAL Land Use Master Plan 2006-2025 (NLUMP) adalah merupakan Pelan Induk kedua yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Pelan tersebut memastikan tanah yang mencukupi disediakan untuk memenuhi keperluan sosio-ekonomi dan alam sekitar negara sepanjang tempoh rancangan.

Laungan Takbir semarakkan malam raya Aidiladha



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (depan, tengah) antara yang hadir pada bacaan Takbir sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1438 Hijrah yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 September. - Seluruh masjid, surau dan balai ibadat di negara ini melaungkan takbir raya Aidiladha sejurus sempurnanya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dalam menyemarakkan sambutan yang juga dikenali sebagai Hari Raya Korban sebelum Sembahyang Sunat Aidiladha didirikan pada hari berikutnya.

Sehubungan itu, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong menjadi tumpuan bagi Majlis Takbir sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun

1438 Hijrah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap (SUT) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff; Timbalan SUT KHEU, Awang

Haji Harun bin Haji Junid; Timbalan SUT KHEU (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan) Awang Roslan bin Haji Taja'ah serta para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Kelebihan Takbir' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Kelebihan mereka yang bertakbir katanya akan diberikan ganjaran kebaikan dan dihapuskan kejahatan.

Beliau juga menerangkan antara hadis yang menceritakan tentang

menghidupkan malam Hari Raya seperti yang diriwayatkan oleh Imam Tabrani Radiallahuanhu yang bermaksud : Barangsiapa menghayati malam Hari Raya Aidilfitri dan malam Hari Raya Aidiladha dengan amal ibadah, sedang dia mengharapkan keredaan Allah semata-mata, hatinya tidak akan mati seperti hati orang-orang kafir.

Gema takbir dilaungkan dari gabungan Kementerian Pertahanan, Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Jabatan Pengajian Islam (JPI); Penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah (ITQSHHB); Murid-murid Sekolah Ugama Brunei III; Sekolah Menengah Arab Laki-

Laki Hassanil Bolkiah (SMALHB) dan Kumpulan Belia-Belia Masjid Daerah Brunei Muara.

Sementara itu, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Turut memeriahkan lagi Majlis Takbir tersebut ialah anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Jabatan Bomba dan Penyelamat; Jabatan Penjara; Persatuan-persatuan NGO; KUPU SB; Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); ITQSHHB dan belia-belia masjid serta penduduk sekitarnya.

Majlis Takbir sempena Hari Raya Aidiladha diadakan bagi menghidupkan malam Hari Raya Aidiladha yang jatuh pada 10 Zulhijjah 1438 Hijrah, di samping menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar melahirkan belia yang bertakwa serta memberikan kesedaran kepada belia dalam menghayati makna kandungan takbir hari raya.

Dengan adanya majlis ini juga, diharap dapat memupuk semangat belia dalam hidup berkumpul dan mengeratkan silaturahmi dengan mendekatkan diri serta mencintai masjid dalam menjadikan belia harapan agama bangsa juga negara.



Penggredan tingkatan mutu perkhidmatan kantin sekolah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah (kiri) hadir selaku tetamu kehormat ketika menyampaikan sijil pada Majlis Penyampaian Sijil Penggredan Kantin / Kiosk bagi Pusat Tingkatan Enam, Maktab dan Sekolah-sekolah Kerajaan, Kementerian Pendidikan Tahun 2017 bagi Kumpulan 8, 9 dan 10.

TUTONG, Khamis, 31 Ogos. - Jabatan Sekolah-Sekolah melalui Unit Pendidikan Kesihatan, Bahagian Perkhidmatan mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penggredan Kantin / Kiosk bagi Pusat Tingkatan Enam, Maktab dan Sekolah-sekolah Kerajaan, Kementerian Pendidikan Tahun 2017 bagi Kumpulan 8, 9 dan 10.

Majlis berlangsung di Dewan Kuliah Perseverance, Pusat Tingkatan Enam, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah.

Antara tujuan penggredan ini diadakan ialah untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan kantin / kiosk dalam berbagai aspek bagi membendung penyakit-penyakit berjangkit dan tidak berjangkit seperti obesiti dan keracunan makanan serta memelihara dan memupuk sikap positif dan tanggungjawab dalam pengurusan kantin / kiosk.

Bagi merealisasikan tujuan tersebut, tiga objektif telah dikenal pasti, iaitu pertama, memberikan dorongan dan pengiktirafan kepada sekolah dan pengusaha kantin yang telah menunjukkan kualiti pengurusan makanan serta dapat menjadi contoh pada kantin lain untuk berusaha ke arah yang lebih baik. Kedua, memberi kesedaran tentang perlunya memelihara kualiti pengurusan

kantin / kiosk sekolah dan ketiga ialah penambahbaikan terhadap pemantauan yang sedia ada yang telah dilaksanakan oleh pihak-pihak berkenaan.

Jawatankuasa yang terlibat dalam penggredan tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai yang dilantik dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan. Penggredan adalah menggunakan senarai semak yang disediakan oleh kementerian masing-masing berpandukan pada Piawaian Prosedur Operasi (Standard Operation Procedure) Penggredan Kantin / Kiosk bagi Pusat Tingkatan Enam, Maktab dan Sekolah-sekolah Kerajaan, Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 30 buah kantin daripada 26 buah sekolah menengah dan rendah telah dinilai, iaitu 10 buah kantin di sekolah menengah dan 20 buah kantin di sekolah rendah, yang mana penilaiannya dibuat bermula pada bulan Februari hingga Mei 2017.

Majlis diselitkan dengan Sesi Taklimat pertama mengenai 'Konsep Makanan Halal dalam Islam Perspektif Perniagaan' dan Sesi Taklimat kedua mengenai 'Mewujudkan Persekitaran yang Mendukung: Pelaksanaan Pemakanan Sihat Di Sekolah'.

Turut hadir dalam majlis ini ialah pengarah-pengarah, ketua-ketua bahagian, ketua-ketua unit dan pegawai-pegawai di Jabatan Sekolah-Sekolah, pemimpin-pemimpin sekolah, guru-guru dan pengurus-pengurus kantin / kiosk dari sekolah-sekolah yang dinilai.

Ryan Anju Mathew dari SSMS juara pidato



AHLI Lembaga Pengarah YSHHB, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman (dua, kiri) selaku Ahli Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB hadir selaku tetamu kehormat ketika bergambar bersama Ryan Anju Mathew dari Sekolah Seri Mulia Sarjana (SSMS) juara keseluruhan Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris bagi Sekolah Menengah Swasta Kali Ke-7.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Rohani Haji Abdul Hamid dan Ihsan dari Sekolah Menengah Yayasan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Ogos. - Ryan Anju Mathew dari Sekolah Seri Mulia Sarjana (SSMS) juara keseluruhan Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris bagi Sekolah Menengah Swasta Kali Ke-7, yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah (SM) Yayasan

Sultan Haji Hassanil Bolkiah (YSHHB).

Manakala tempat pertama dimenangi oleh Shamita Tanushri Sures dari Sekolah Menengah Chung Hwa, BSB diikuti oleh Mandy Briettany Teo Hui Mei dari Sekolah Menengah Chung Hwa, BSB di tempat kedua, sementara

tempat ketiga diraih oleh Awangku Khairyl Amiruddin bin Pengiran Haji Tajuddin dari Sekolah Seri Mulia Sarjana.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman selaku Ahli Lembaga Tadbir Sekolah YSHHB.

Sekolah Yayasan mula mengadakan Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris bagi Sekolah Menengah Swasta sejak tahun 2007 dan pertandingan tahun ini disertai oleh 11 buah sekolah menengah swasta.

Sekolah-sekolah tersebut terdiri dari SM Chung Ching, Setia; SM Chung Hua, Kuala Belait dan Bandar Seri Begawan; Nusa Laila Puteri; Seri Mulia Sarjana; St. Andrew; St. Angela; St. George; St. James; St. John dan SM YSHHB.

Seramai lapan orang peserta memasuki pertandingan di peringkat akhir.

Pertandingan tersebut bertujuan untuk memupuk minat dalam bidang pidato, di samping mengembangkan bakat dan minat para pelajar.

Berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16 di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP) ABDB, Kampung Tanah Jambu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah.



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama salah seorang Pegawai Kadet (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan bergambar bersama Pegawai Kadet serta ahli keluarga.

TANAH JAMBU, Khamis, 31 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16 di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP) ABDB di Kampung Tanah Jambu, hari ini.

Kebangkitan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerna Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Dato Paduka Abdul Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Sejurus keberangkatan, baginda berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa Pasukan Perbarisan di bawah perintah Pegawai Perbarisan, 928 Leftenan Madya Muhd. Adib Izzuddin bin Haji Ramli, TLDB yang kemudiannya disusuli dengan perbarisan berjalan lalu.

Pada upacara tersebut, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan titah dan anugerah-anugerah bagi Pegawai Kadet Terbaik di setiap jurusan bagi Pengambilan Ke-16 Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB.

Mendahului pengurniaan anugerah ialah Anugerah Pedang Kehormatan kepada 51829 Pegawai Kadet Daniel bin Tanggiling, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam Pengajian Alam Sekitar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Anugerah Pedang Kehormatan merupakan anugerah penghormatan tertinggi kepada Pegawai Kadet yang dikurniakan oleh Kebawah DYMM dan merupakan kecemerlangan terbaik secara keseluruhan bagi Pegawai Kadet yang mempunyai pencapaian tertinggi di dalam asas ketenteraan, akademik dan fizikal dalam semua aspek.

Baginda seterusnya berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada 51836 Pegawai Kadet Fadhl bin Kolonel (B) Dato Paduka Haji Joharie berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera

dengan Kepujian dalam Komunikasi dan Media Baharu dari UBD.

Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera dikurniakan kepada 51841 Pegawai Kadet Muhammad Zulfadli Hayat bin Shamsul Hayat berkelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam Pengurusan Hospitaliti di Kolej Perniagaan Laksamana.

Manakala penerima Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani ialah 51826 Pegawai Kadet Abdul Hakim bin Haji Shahrum, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam Teknologi Maklumat di Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (IGS).

Seramai 32 Pegawai Kadet terdiri daripada 17 lelaki dan 15 wanita telah ditauliahkan dengan 22 Pegawai Kadet ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera Darat Diraja Brunei dan 10 Pegawai Kadet ditauliahkan sebagai Pegawai TLDB.

Upacara diteruskan dengan tiga kali laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' daripada Pasukan Perbarisan diikuti dengan bacaan doa oleh Ketua Jabatan Agama ABDB (JA'MAAT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB.

Baginda seterusnya berangkat bagi Majlis Junjung Ziarah bersama pegawai-pegawai yang baru ditauliahkan berserta ahli-ahli keluarga mereka.

Baginda kemudian berkenan menerima pesambah bertemakan 'Nur Al-Haq' yang membawa maksud 'Cahaya Pertahanan'.

Kebawah DYMM juga berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan Buku Perjalanan Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan serta berkenan menerima junjung ziarah daripada jurulatih-jurulatih dan para pegawai Sekolah Pegawai Kadet termasuk beberapa pegawai tentera dari negara-negara sahabat sebelum dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

Upacara Sovereign's Parade adalah kemuncak latihan ketenteraan intensif yang berprestij bagi Sekolah Pegawai Kadet ABDB bagi melengkapkan pegawai yang baru ditauliahkan dengan ilmu pengetahuan, kepercayaan, disiplin, profesionalisme dan kemahiran kepimpinan.

Kursus Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16 selama 52 minggu ini telah bermula pada 9 September 2016 yang melibatkan pelbagai latihan dan aktiviti ketenteraan khusus untuk meningkatkan kualiti kepimpinan, perwatakan dan intelek sepertimana yang dikehendaki bagi setiap Pegawai ABDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Pedang Kehormatan kepada 51829 Pegawai Kadet Daniel bin Tanggiling (kiri) sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Terbaik Akademik kepada 51836 Pegawai Kadet Fadhl bin Kolonel (B) Dato Paduka Haji Joharie.



KEBAWAH DYMM berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera kepada 51841 Pegawai Kadet Muhammad Zulfadli Hayat bin Shamsul Hayat (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani kepada 51826 Pegawai Kadet Abdul Hakim bin Haji Shahrum (kanan).



PERBARISAN Berjalan Lalu dalam masa perlahan dan cepat pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL

1. Head of Procurement

KEKOSONGAN : 1

TARIKH TUTUP : 7 September 2017

2. Head of Portfolio Management

KEKOSONGAN : 1

TARIKH TUTUP : 14 September 2017

3. Budget Management Analyst Strategy, Portfolio Partnership (SPP) Division

KEKOSONGAN : 1

TARIKH TUTUP : 14 September 2017

UNTUK makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut boleh didapati melalui laman sesawang www.thecommonwealth.org/jobs.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM
KATEGORI : P06**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
5 SEPTEMBER 2017 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
19 SEPTEMBER 2017 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM001 / 2017
NAMA PROJEK :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
CUSHION GETAH BERBUIH
LATEX FOAM KELAS III UNTUK
JABATAN KERJA RAYA BRUNEI /
MUARA, TUTONG DAN
TEMBURONG BAGI
TEMPOH 12 BULAN**

**NO. PROJEK :
2017 DBSBM / JKR01
YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak

akan dilayan.

Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR / DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperoleh dari **Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.**

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawarantawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS
DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 72/9/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 02 SEPTEMBER 2017

TARIKH TUTUP: 16 SEPTEMBER 2017

1. FOMEN MEKANIK

D.4 EB.5

BAHAGIAN IV
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
KEKOSONGAN = SATU (01)

2. OPERATOR KENDERAAN TINGKAT II

E.3 EB.4

BAHAGIAN V
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
KEKOSONGAN = DUA (02)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

**NOTIS TAWARAN BILANGAN :
HMSF / TDR / 11 / 2017**

**TAJUK :
TO SUPPLY, DELIVERY AND
COMMISSIONING AIRCOOLED
CHILLER SYSTEM FOR HIS
MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT
HANGAR 2 AT BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mempunyai kepakaran "To Supply, Install and Commissioning Aircooled Chiller System".

2. Dokumen tawaran yang berharga **BND50.00** (tidak akan dikembalikan sama ada berjaya atau tidak) bolehlah diperoleh dari Unit Pemantauan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lebuhraya Rimba, Bandar Seri Begawan, BB2513, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon +673 2460043 sambungan 2109 dan 2180. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada **2 September 2017.**

3. Syarikat-syarikat mestilah membawa bersama sijil pendaftaran perniagaan semasa melakukan pembayaran.

4. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan

dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam **2.00 Petang, Isnin, 18 September 2017.**

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dengan menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan.

8. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh **180 hari** dari tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN / 4 (39 / 1997).

10. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

TAJUK TAWARAN :

1. UNISSA / LTK / KANTIN (1)
2017 / 2018

TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI
BAGI TEMPOH EMPAT (4) BULAN

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh didapati :
BAHAGIAN KEWANGAN

TINGKAT 1
BANGUNAN PENTADBIRAN
DAN KEWANGAN
SIMPANG 347
JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

3. Pada waktu-waktu seperti berikut :
Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi

4. Yuran tawaran adalah BND30.00 sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal

sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disedia di Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran dan Kewangan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan dialamatkan kepada :

PENGURUS
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN 'A'
BLOK 'A', TINGKAT 1
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

6. Tawaran hendaklah disimpan di dalam

sampul surat tertutup rapi. Pada sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

7. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada 12 September 2017, Rabu, jam 2.00 Petang. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

8. Sijil pendaftaran syarikat dari Pejabat Peguam Negara (Form 16 dan 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Sijil pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.


JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 58 / 2017 / 2018
[BPPA - OGOS - 2017]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
RAJA ISTERI FATIMAH,
BANDAR SERI BEGAWAN,
KLUSTER 2,
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA : BND5.00
(bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan)

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 59 / 2017 / 2018
[BPPA - OGOS - 2017]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
MULAUT, KLUSTER 2,
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA : BND5.00
(bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan)

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 60 / 2017 / 2018
[BPPA - OGOS - 2017]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
BENDAHARA LAMA,
KLUSTER 2,
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA : BND5.00
(bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
16 September 2017
(tidak lewat jam 9.00 Pagi)

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 61 / 2017 / 2018
[BPPA - OGOS - 2017]
KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
TANJONG KINDANA, KAMPUNG
SUNGAI BUNGA, KLUSTER 4,
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA : BND5.00
(bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan)

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 62 / 2017 / 2018
[BPPA - OGOS - 2017]
KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH
MENENGAH SAYYIDINA OTHMAN,
KAMPUNG BUKIT BERUANG,
KLUSTER 5,
DAERAH TUTONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA : BND5.00
(bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan)

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 63 / 2017 / 2018
[BPPA - OGOS - 2017]
KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
PENGIRAN DIPA NEGARA
PENGIRAN JAYA SENGKARAI,
KLUSTER 5,
DAERAH TUTONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA : BND5.00
(bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan)

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 64 / 2017 / 2018

[BPPA - OGOS - 2017]
KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI
SEKOLAH RENDAH PENGIRAN
KESUMA NEGARA BUKIT
BERUANG, KLUSTER 5,
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA : BND5.00
(bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan)

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 65 / 2017 / 2018
[BPPA - OGOS - 2017]
KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI PUSAT TINGKATAN
ENAM TUTONG, KAMPUNG
PERPINDAHAN RAKYAT JATI
BUKIT BERUANG TUTONG,
KLUSTER 5,
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
(KANTIN BAHAGIAN BLOK 'A')

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA : BND5.00
(bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
16 September 2017
(tidak lewat jam 9.00 Pagi)

HARI DAN WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN /
DOKUMEN SEBUT HARGA
Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi
1.45 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

SYARAT-SYARAT IKLAN
SEBUT HARGA

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh warga tempatan.

2. Bayaran dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga adalah dikehendaki dalam bentuk wang tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua bayaran dokumen sebut harga seperti yang diiklankan Yuran sebut harga tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang

berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang jujur (*bona-fide-tender*).

3. Kadar bayaran dokumen sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan sebut harga.

Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang diterima adalah betul.

Borang-borang sebut harga boleh diperoleh di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

Setiap borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan dan salinan resit bayaran dokumen sebut harga.

Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan sebut harga, tajuk sebut harga dan tarikh tutup sebut harga tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

Pengerusi, Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan, Bangunan Kementerian Pendidikan, Blok 'A', Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

SEBUT HARGA hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Kewangan 'A', Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Sebut Harga-sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Sebut Harga tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Setiap sebut harga yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

Penender yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperoleh atau setelah tutup sebut harga akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

INSTRUCTION TO TENDERERS

**JP / SH33 / 2017-2018
REFURBISHMENT WORKS
FOR MOORING & UNMOORING
BUILDING, PORTS DEPARTMENT,
MUARA**

1. TENDERERS are invited from supplier company who registered with Ministry of Development, Negara Brunei Darussalam under **Work Category B01 and Class I & II.**

2. Tender document can be obtained from :

**Tender and Quotation Unit
2nd Floor, Head Quarters Building
Ports Department, Muara, BT1728
Negara Brunei Darussalam.**

**Menday until Thursday
8.00 Am until 11.00 Am
1.30 Pm until 2.30 Pm
Saturday
8.00 Am until 10.00 Am**

Bidding documents will be issued up to **9 SEPTEMBER 2017**, a few weeks before closing date.

TIME & PLACE FOR SUBMISSION

OF TENDERS :

3. The tender(s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements :

a) JP / SH33 / 2017-2018 - **REFURBISHMENT WORKS FOR MOORING & UNMOORING BUILDING, PORTS DEPARTMENT, MUARA** must be clearly written on the front side of the envelope.

b) The envelope used must NOT bare the name or logo of any company of supplier.

c) **Mandatory Site Visit on MONDAY, 11 SEPTEMBER 2017 at 10.00 Am. Meeting Point at HEADQUARTERS, PORTS DEPARTMENT, MUARA.**

d) The envelope must be put inside "PETI SEBUT HARGA" addressed to :

**The Chairman
Quotation Committee
Ports Department
Ministry of Communications
Muara, BT1728
Negara Brunei Darussalam.**

e) The tenders will be received only until **WEDNESDAY, 13 SEPTEMBER 2017 AT 2.00 Pm.**



**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

IKLAN SEBUT HARGA

1. BILANGAN SEBUT HARGA :

JKN / BPE / SH / 2017 (6)

**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN SAMPAH
DI BANGUNAN**

MAHKAMAH-MAHKAMAH

DAERAH BELAIT,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TARIKH TERAKHIR

MENDAPATKAN DOKUMEN

SEBUT HARGA PADA :

21 September 2017

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :

KHAMIS, 28 September 2017

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

SEBUT HARGA hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan hanya menyatakan tajuk sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dengan

ditujukan kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga

Jabatan Kehakiman Negara

Jabatan Perdana Menteri

Pintu 'C', Tingkat 1

**Bangunan Mahkamah Besar Brunei
dan Mahkamah-Mahkamah Syariah**

Jalan Stoney

Bandar Seri Begawan, BS8610

Negara Brunei Darussalam.

Dokumen sebut harga dan syarat-syarat lebih lanjut boleh diperoleh di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kehakiman Negara, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam dengan membawa resit bayaran yuran sebut harga berkenaan.

Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut mengenai sebut harga ini bolehlah berhubung terus Awang Haji Omar bin Haji Mohd. Daud, Bahagian Pengurusan Bangunan, Jabatan Kehakiman Negara melalui talian **+673 2240331 atau +673 8144285.**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN :

**MINDEF / DFA / 2017 / TA / 300
THE DESIGN, SUPPLY,
DELIVERY, INSTALLATION,
CONFIGURATION, TESTING,
COMMISSIONING
AND TRAINING OF INTEGRATED
SECURITY RFID CARD**

Nota :

a) Pembekal hendaklah mempunyai :

(i) AITI Accredited Business (AAB) status.

(ii) ICT Accredited Business (ICTAB) - Class 1 - 5.

b) Information Day akan diadakan pada minggu kedua September 2017. Tarikh dan masa akan diumumkan kemudian.

**BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 26 September 2017.** Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib (Aras Bawah), Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison pada hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula pada **28 Ogos 2017.**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib (Aras Bawah), Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Rabu

**8.00 Pagi hingga 11.30 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

Syarat-syarat dan iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**SEBUT HARGA BAGI 1 LOT
HARTA BENDA KERAJAAN
KEPUNYAAN PERPUSTAKAAN
KAMPUNG PANDAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**KETERANGAN BARANG
DAN KUANTITI**

**Kerusi - 7 unit
Rak Buku - 12 unit**

**JUMLAH KESELURUHAN
PERALATAN PEJABAT - 19 unit**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. BORANG tawaran boleh diperoleh di Pentadbiran dan Pengurusan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Tingkat 4, Jalan Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja (8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang) dengan percuma. Tarikh terakhir mengambil borang tawaran pada **7 September 2017.**

2. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat dan ditulis dengan perkataan :

Nama Sebut Harga :

**SEBUT HARGA BAGI
1 LOT HARTA BENDA KERAJAAN
KEPUNYAAN PERPUSTAKAAN
KAMPUNG PANDAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
(Bil. Rujukan : KKW / ADM / JBT / 54)
Tarikh tutup sebut harga : 12 September
2017 dan dialamatkan kepada :**

**Pengerusi
Jawatankuasa Tawaran
dan Sebut Harga
Tingkat 4**

**Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Lapangan Terbang Lama Berakas
BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran mestilah menggunakan borang yang disediakan dan hendaklah lengkap diisi serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat 4, Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510,

Negara Brunei Darussalam **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 12 September 2017.**

4. Peralatan tersebut bolehlah dilihat pada hari-hari bekerja (**8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.30 Petang**) di **Perpustakaan Kampung Pandan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.**

5. Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Syarikat atau orang perseorangan yang berjaya akan dimaklumkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tutup tawaran yang dikehendaki untuk membayar secara tunai serta memindahkan peralatan yang sudah dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari surat dikeluarkan. Kegagalan berbuat demikian (tanpa alasan munasabah) boleh mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang pembayaran yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan.

Hindari dari sifat riak

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya agama Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna, iaitu *syumul*. Dalam menjalankan kehidupan di dunia ini, agama Islam menuntut umatnya agar memiliki sifat-sifat yang terpuji serta melarang umatnya dari sifat keji bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Imam al-Ghazali Rahimahullahu Ta'ala dalam kitabnya 'Arbain Fi Usuluddin' telah menggariskan sepuluh sifat *mahmudah* (terpuji) dan sepuluh sifat *mazmumah* (tercela). Sifat-sifat

mahmudah (terpuji) itu adalah taubat, *khauf* (takut kepada Allah), mengingati mati, *mahabbah* (kasih sayang), *zuhud* (meninggalkan kesenangan dunia), tawakal, ikhlas, syukur, reda dan sabar. Manakala sifat-sifat *mazmumah* (keji) itu adalah *al ghadhab* (sifat marah), hasad (dengki), bakhil (kedekut), *sharahu at ta'am* (terlampau banyak makan), *sharahu al kalam* (telampau banyak cakap), *hubbu al jah* (kasihkan kemegahan), *hubbu ad dunia* (kasihkan dunia), *ujub* (merasa diri lebih sempurna), *takabbur* dan riak.

Sesungguhnya riak adalah sifat keji dan dilarang dalam agama Islam. Sifat riak bererti menunjuk-nunjuk atau memperlihatkan sesuatu amalan baik yang dilakukan oleh seseorang untuk memperoleh kedudukan di hati manusia agar mendapat pujian, pangkat, kebesaran dan dalam erti kata yang lain berbuat sesuatu amal ibadat atau sesuatu kebaikan bukan kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Maa'uun, ayat 4 - 7 :

Tafsirnya : "Maka celakalah orang-orang bersembahyang. Iaitu mereka yang lali terhadap sembahyang mereka.



Juga mereka yang berkeadaan riak. Dan mereka yang enggan memberi pertolongan."

Perlu diketahui, riak merupakan penyakit yang sangat berbahaya dan mengancam akidah dan iman seseorang, ia juga boleh merosakkan nilai keikhlasan hati, keluhuran akhlak dan sebagainya. Orang-orang yang riak, hati dan jiwanya penuh dengan kebohongan dan kepalsuan semata-mata, kerana segala amal perbuatan dan percakapannya hanyalah bertujuan untuk mengharap pujian, sanjungan dan penghormatan daripada orang lain. Ketahuilah, riak adalah syirik kecil dan merupakan perkara yang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam takutkan jika amalan tersebut dilakukan oleh umat Baginda, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Daripada Mahmud bin Lubaid ia berkata : Bersabda

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : *Sesungguhnya sesuatu yang paling aku khawatirkan di antara kamu ialah syirik kecil, lalu ditanya oleh sahabat "Apakah syirik kecil itu ya Rasulullah?" kemudian baginda menjawab, iaitu riak."*

Menurut Imam al-Ghazali dalam kitabnya 'Ihya Ulumuddin' menerangkan bahawa perkara yang boleh menimbulkan sifat riak itu ada lima perkara, iaitu :

Pertama : Riak pada tubuh badan seperti orang yang membiarkan rambut tanpa terurus dengan tujuan agar dikenali sebagai ahli ibadah atau agama yang tiada masa lagi untuk menguruskan dirinya.

Kedua : Riak dalam pakaian seperti memakai pakaian kasar, lusuh atau pakaian ulama dengan tujuan seperti orang menyangka bahawa ia orang yang rajin, warak dan orang yang berilmu.

Ketiga : Riak dalam perkataan seperti banyak berbicara tentang ilmu dengan tujuan supaya dia dipuji sebagai orang yang pandai, alim, warak dan seumpamanya.

Keempat : Riak dalam perbuatan seperti berpura-pura dalam sembahyang, iaitu berdiri, rukuk dan sujud yang terlalu lama dengan tujuan supaya orang menyangka dia lebih khusyuk sembahyangnya daripada orang lain.

Kelima : Riak dengan membanyakkan sahabat, tetamu atau orang yang berpangkat dengan tujuan agar orang ramai menganggap mereka adalah yang penting atau dalam kalangan kelompok tersebut.

Pada kebiasaannya antara sebab manusia bersifat riak adalah untuk mendapatkan kemegahan dan kemasyhuran sehingga lupa pada kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, untuk mengelakan diri daripada bersifat riak, kita hendaklah sedar bahawa kita adalah hamba Allah yang lemah dan setiap nikmat dan kelebihan yang kita miliki adalah pinjaman dan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan pada bila-bila masa sahaja nikmat tersebut ditarik semula. Di samping itu, banyakkannya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat kita terima. Dan sentiasalah menanamkan sifat ikhlas pada setiap amalan dan perbuatan yang kita lakukan.

Sucikanlah hati dengan membanyakkan zikir dan sentiasa takut dengan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Beringat dan berwaspadalah selalu terhadap perkara-perkara yang boleh menghapuskan pahala amalan yang dilakukan akibat sifat riak. Hindarkanlah daripada melakukan sesuatu perkara dengan niat atau tujuan untuk disanjung atau dihargai kerana ia boleh membawa kepada kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita sama-sama *muhasabah* diri dengan membetulkan niat ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala dalam melakukan amal ibadat dan sesuatu kebaikan. Seandainya ada terdetik sahaja perasaan riak dalam hati, segeralah ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon *istighfar* (keampunan) kepada-Nya jua. Akhirnya, sama-sama kita berdoa semoga kita terhindar daripada sifat riak, hati kita sentiasa ditetapkan dalam keimanan, hidup dan mati dalam keimanan, dikumpulkan bersama orang-orang yang beriman dan masuk ke dalam syurga juga bersama orang-orang yang beriman. Mudah-mudahan segala amal ibadat dan perbuatan yang kita lakukan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah, ayat 264 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakan pahala sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti, seperti rosaknya pahala orang yang membelanjakan hartanya kerana riak menunjuk-nunjuk kepada manusia, dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka perumpamaan orang itu adalah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan yang lebat, sehingga menjadikannya bersih licin tidak bertanah lagi. Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan riak itu mereka tidak akan mendapat sesuatu pahala pun daripada apa yang mereka usahakan. Dan Allah tidak memberi pertunjuk kepada kaum yang kafir."

Festival Cuti Sekolah bulan Disember



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (tengah); Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar (dua, kiri) dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Junid (dua, kanan) pada sidang media tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Ogos. - Lembaga Pelancongan Brunei akan mengadakan Festival Cuti Sekolah bulan Disember 2017 dan akan menjadi perayaan pertama yang dianjurkan oleh Lembaga Pelancongan Brunei dengan kerjasama beberapa pihak yang berkepentingan.

Antara matlamat festival diadakan adalah bagi menyatukan beberapa acara dan aktiviti menarik yang dianjurkan oleh pelbagai pengurus acara yang akan diadakan pada bulan Disember, iaitu sempena musim cuti persekolahan.

Perkara tersebut dijelaskan dalam satu sidang media yang

diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Muhammad Sunadi bin Haji Buntar dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Junid.

Menurut Awang Wardi, pihak kementerian berharap dan percaya akan menarik rakyat Brunei untuk menghabiskan percutian di dalam negeri, selain meningkatkan bilangan ketibaan pelancong ke negara ini.

"Lembaga Pelancongan Brunei merancang untuk menjadikan festival ini program tahunan untuk ditambah di dalam kalendar yang dijangka akan menarik lebih banyak pelawat untuk datang serta penganjur acara untuk turut serta," jelasnya.

Awang Wardi menambah, setakat ini terdapat kira-kira 30 acara akan diadakan sepanjang bulan Disember itu nanti, di mana perayaan tersebut akan memberi tumpuan pada beberapa tema termasuk Seni dan Budaya.

Manakala Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN, Awang Muhammad Sunadi pula menjelaskan, festival ini juga termasuk dalam aktiviti Bandarku Ceria setiap Ahad dan acara akan dibukakan kepada orang ramai.

Sementara Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) jelas Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Harun bin Junid akan menganjurkan Program Kem Ibadah dan ia merupakan salah satu usaha pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Unit Belia Bahagian Imarah untuk memberikan peluang kepada belia dan beliawanis masjid.

Menurutnya, program ini akan melibatkan ke empat-empat daerah dan akan menyasarkan seramai 500 orang belia dan beliawanis seluruh daerah.

Sidang media tersebut merupakan usaha bagi membarigakan dan memberikan maklumat kepada orang ramai mengenai Festival Cuti Sekolah bulan Disember depan.

Riadah Berbasikal Keputeraan 2017 : 3 September

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad (dua, kiri) semasa sidang media mengenai Riadah Berbasikal Keputeraan 2017.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Riadah Berbasikal Keputeraan 2017 merupakan acara yang akan turut menyaksikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang akan berlangsung pada Ahad, 3 September 2017 di ibu negara.

Acara berbasikal tersebut akan meliputi perjalanan sejauh 11.5 kilometer bermula dari Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien

dan melalui beberapa batang jalan-jalan utama antaranya Jalan Haji Basir; Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien; Jalan Kianggeh; Jalan Sekolah; Jalan Kumbang Pasang; Jalan Perdana Menteri; Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Acara yang menggabungkan

aspek gaya hidup sihat dan rekreasi dibukakan secara percuma kepada semua dan pada masa yang sama, para peserta, pengunjung dan ahli keluarga juga berpeluang memulakan hari mereka dengan menyertai Acara 'Masjidku Makmur, Negara Berkah' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Perkara tersebut dijelaskan dalam sidang media yang diadakan di Dewan Pameran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan dan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohammad; wakil JSKL ASP, Awangku Omar Ali bin Pengiran Haji Manshor; wakil Medik, Dayang Nora binti Haji Mohd. Yusof dan wakil Persatuan Basikal Negara Brunei Darussalam, Awang Mat Yassin bin Haji Abdullah.

Sidang media tersebut bertujuan

untuk membarigakan dan memberikan maklumat kepada orang ramai mengenai Acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2017 yang akan diadakan pada 3 September ini.

Menurut Awang Haji Noor Jusmin, KKBS dalam penganjuran program bersama-sama dengan KHEDN, Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan serta penglibatan semua kementerian-kementerian yang lain dan juga persatuan Basikal Brunei Darussalam memperlihatkan sukan yang diberikan pengiktirafan, penghormatan dan penggalakkan yang penting seperti sektor sosial yang lain bagi mencapai matlamat pembangunan negara, perpaduan dan kestabilan yang berterusan.

Antara matlamat Acara Riadah Berbasikal tersebut adalah untuk membentuk budaya sukan dan memantapkan perpaduan menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh yang menjurus pada pewujudan warga sihat.

Hari Keusahawanan Belia Kitani peluang pelajari asas perniagaan

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong

TUTONG, Rabu, 30 Ogos. - Hari Keusahawanan Belia Kitani yang dilancarkan di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong (SM RIPAS) bermatlamat untuk memberi peluang kepada para pelajar untuk mempraktikkan dan mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di dalam kelas, iaitu dari segi teknik pemasaran, penjualan dan juga perakaunan.

Di samping itu, para pelajar berpeluang mengenal pasti potensi diri masing-masing dalam bidang keusahawanan.

Pelancaran Hari Keusahawanan

Belia Kitani disempurnakan oleh Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh.

Acara tersebut dianjurkan Jabatan Business Studies SM RIPAS dengan kerjasama penuntut-penuntut yang mengambil mata pelajaran Commerce dan Principles of Accounts.

Pihak sekolah juga berharap agar acara seumpamanya akan dapat membuka laluan bagi para belia untuk menceburi bidang keusahawanan apabila tamat alam persekolahan nanti.



PENGETUA SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh semasa merasmikan Hari Keusahawanan Belia Kitani.

Klinik Vendor tangani isu kelambatan pembayaran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Klinik Vendor yang diperkenalkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan bermula pada 25 April tahun lalu, kini masih beroperasi dan dibuka kepada para pembekal dan kontraktor yang ingin membuat aduan mengenai tunggakan pembayaran mereka bagi pembekalan atau penyediaan perkhidmatan kepada pihak kerajaan.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kewangan, klinik tersebut yang ditempatkan di kaunter Perkhidmatan Kewangan, Tingkat 2, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, dibuka pada setiap Isnin hingga Khamis dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga

3.30 petang.

Selain dari menggunakan khidmat melalui kaunter, pertanyaan dan aduan juga boleh dibuat melalui pusat panggilan pelanggan +673 2383444 dan melalui e-mel ppp@treasury.mof.gov.bn.

Penyediaan klinik berkenaan adalah sebahagian daripada inisiatif penambahbaikan perkhidmatan Jabatan Perbendaharaan agar masalah yang berkaitan dengan pembayaran dapat ditangani secara lebih berkesan.

Klinik itu juga menyediakan khidmat nasihat mengenai isu berkaitan dengan TAFIS, *purchase order*, modul kontrak, sistem pengesan *invoice*, prosedur pembelian dan lain-lain yang berkaitan.

Kontraktor dan pembekal yang

ingin membuat perjumpaan di klinik berkenaan adalah dinasihatkan untuk memberikan maklumat-maklumat yang berkenaan seperti Purchase Order, tuntutan, kontrak atau surat tawaran dengan lebih awal sebelum perjumpaan diadakan bagi membolehkan Jabatan Perbendaharaan meneliti dalam TAFIS dan mendapatkan maklumat dari jabatan yang berkenaan.

Pada klinik berkenaan, wakil dari jabatan yang berkenaan akan dijemput sama bagi membincangkan dan menyelesaikan isu yang dibangkitkan.

Jabatan Perbendaharaan juga memaklumkan bahawa Klinik Vendor juga disediakan di cawangan-cawangan jabatan berkenaan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong dan dibuka pada hari-hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang.



PEGAWAI di Klinik Vendor sedang meneliti dokumen yang dihadapkan.

Pemberian biasiswa amanah negara



PEMANGKU Ketua Bahagian Biasiswa, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat (kiri) semasa menyampaikan taklimat.



PARA pelajar baharu yang dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan, Kementerian Pendidikan.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

RIMBA, Rabu, 30 Ogos. - Sebagai persiapan bagi pelajar-pelajar baharu yang dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Biasiswa mengadakan taklimat sebelum berlepas bagi para pelajar berkenaan yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Pada taklimat tersebut, Pemangku Ketua Bahagian Biasiswa, Awang Julaihi bin Mohamad / Mohamat menyampaikan taklimat mengenai

tugas dan tanggungjawab sebagai seorang penerima biasiswa kerajaan, aturan serta peraturan biasiswa kerajaan ke luar negeri juga elaun dan kemudahan-kemudahan biasiswa di luar negeri.

Beliau menjelaskan, biasiswa yang dianugerahkan tidak sepatutnya dianggap hak dan diwenang-wenangkan, akan tetapi anggaplah ia sebagai amanah negara untuk penerima kerana satu hari nanti pelajar akan balik semula ke Negara Brunei Darussalam untuk mencurahkan bakti setelah lama menimba ilmu di luar negara.

Pihak Bahagian Biasiswa juga menjemput agensi-agensi luar

seperti wakil dari Kementerian Kesihatan (menangani stres), Kementerian Hal Ehwal Ugama (Bahagian Akidah) bagi memberikan maklumat-maklumat baharu dan terkini dalam pengkhususan bidang masing-masing.

Turut memberi penerangan ialah dari Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB) yang mengongsikan mengenai Penghayatan Konsep MIB bagi mensejajarkan dan menggarap aspirasi negara, agar para pelajar ini betul-betul Calak Brunei nanti.

Kira-kira 60 pelajar penerima Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan menghadiri taklimat berkenaan.

Kerjaya tentera perlu semangat juang dan disiplin

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TANAH JAMBU, Khamis, 31 Ogos. - Kerjaya dalam bidang tentera memerlukan semangat juang dan disiplin yang tinggi bagi mempertahankan tanah air dan menjaga keamanan negara.

Ciri-ciri tersebut antara perkara yang menarik minat penerima Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera, 51841 Pegawai Kadet Muhammad Zulfadli Hayat bin Shamsul Hayat untuk menceburi kerjaya sebagai pegawai tentera.

Dibesarkan di salah sebuah perkhemahan tentera di negara ini, beliau dan adik-beradiknya yang lain dididik dengan penuh disiplin oleh ayahnya yang merupakan bekas anggota tentera.

"Mungkin aspek disiplin yang dititikberatkan dalam kerjaya beliau terbawa-bawa hingga ke rumah dan kemudian diterapkan kepada kami," katanya kepada Pelita Brunei selepas ditauliahkan pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-16 di Padang Kawad Akademi Pertahanan, Kampung Tanah Jambu.

Menurutnya, beliau akan dilantik sebagai Ketua Platun, Platun 4, Kompeni 'B', Batalion Kedua, Tentera Darat Diraja Brunei selepas pertauliah dan merancang untuk mendalami bidang Combat Engineering dalam masa terdekat.

Sementara itu, bagi 21856

Pegawai Kadet Nurul Khartini binti Akui, beliau memilih kerjaya sebagai pegawai tentera kerana minat yang mendalam, di samping berkeinginan untuk mencurahkan jasa, sumbangan dan pengorbanan demi negara yang tercinta.

"Saya melihat anggota tentera sebagai seorang yang berdisiplin dan mempunyai semangat patriotisme yang kuat," katanya.

Beliau mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam jurusan Komunikasi dan Kejuruteraan Sistem Komputer dari Universiti Teknologi Brunei.



PENERIMA Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera, 51841 Pegawai Kadet Muhammad Zulfadli Hayat bin Shamsul Hayat.

JSS hulur sumbangan kepada pelajar mangsa kebakaran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi.

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Bagi meringankan beban mereka yang ditimpa musibah, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) menghulurkan sumbangan berupa barangan asasi harian kepada sembilan pelajar yang ditimpa musibah kebakaran baru-baru ini, iaitu di Kampung Saba Laut dan Kampung Bakut Pengiran Si Raja Muda 'A'.

Majlis penyampaian sumbangan derma tersebut berlangsung di Sekolah Menengah Awang Semaun.

Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar di JSS, Dayang Hajah Jeriah binti Haji Duraman menyeru para pelajar yang ditimpa musibah kebakaran untuk berunding dengan pihak tertentu jika ada sebarang kekurangan dari segi keperluan.

Dayang Hajah Jeriah juga memberikan motivasi kepada para pelajar dan keluarga akan bersabar dengan musibah yang menimpa dan menjadikannya sebagai cabaran dan dugaan

daripada Allah dan tidak akan bersusah hati.

Tambahnya, tragedi yang menimpa itu bukanlah halangan kepada para pelajar berkenaan

untuk terus belajar malah ia akan meningkatkan lagi usaha kehidupan ke arah yang lebih baik pada masa akan datang.

Majlis juga dihadiri para pegawai JSS, pengetua dan guru besar serta guru-guru sekolah pelajar terlibat.



KETUA Bahagian Hal Ehwal Pelajar di Jabatan Sekolah-Sekolah, Dayang Hajah Jeriah binti Haji Duraman (kanan) menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima.



21856 Pegawai Kadet Nurul Khartini binti Akui (tengah) ketika bergambar bersama kedua ibu bapa beliau pada upacara berkenaan.

Program MoU Brunei Darussalam - Thailand dalam bidang Penerangan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Delegasi tiga Pegawai Penerangan dan Media dari Public Relations Department (PRD) Thailand yang sedang dalam Program Pertukaran Pegawai dan Penerangan dan Media Thailand ke Negara Brunei Darussalam mengadakan lawatan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Delegasi yang diketuai oleh Head of MoU Cooperation, International Cooperation Division, Foreign Office PRD, Siriwan Dampreeda berada di negara ini selama lima hari bermula 28 Ogos yang lalu.

Dalam lawatan ke KKBS, delegasi berkenaan diberikan taklimat ringkas mengenai kementerian tersebut oleh Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Awang Haji Abdoh bin Haji Awang Damit, diikuti dengan lawatan ke Dewan Digadong bagi menyaksikan aktiviti kebudayaan yang sedang berlangsung di sana.

Anggota delegasi kemudian dibawa melawat ke Pusat Pembangunan Belia (PPB) di Kampung Tanah Jambu, di mana kedatangan mereka dialu-alukan oleh Penolong Pemangku Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Awang Haswandi dalam taklimatnya antara lain memaklumkan mengenai penubuhan pusat berkenaan yang telah berusia 25 tahun, di mana ia memperkenalkan kursus baharu dari semasa ke semasa bagi para belia berdasarkan kehendak pasaran industri.

Selepas sesi taklimat, anggota delegasi tersebut melawat bengkel-bengkel yang terdapat di sana, antaranya pastri dan konfeksi, terapi kecantikan serta baik pulih badan kenderaan.

Sebelum mengakhiri lawatan, delegasi mengadakan lawatan ke Galeri Sukan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi meninjau sejarah perkembangan sukan di negara ini.

KKBS terima kunjungan rombongan Thailand



ROMBONGAN Pegawai Penerangan dan Media Thailand ketika melawat ke Bahagian Kemahiran Penyediaan Makanan di Pusat Pembangunan Belia, Kampung Tanah Jambu.

Pegawai Penerangan dan Media Thailand tinjau RTB



ROMBONGAN Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Media Thailand ke Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada tiga Pegawai Penerangan dan Media dari Public Relations Department (PRD) Thailand semasa mengadakan lawatan ke Radio Televisyen Brunei.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Rombongan Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Media Thailand ke Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada tiga Pegawai Penerangan dan Media dari Public Relations Department (PRD) Thailand kali ini meneruskan lawatan ke Radio Televisyen Brunei (RTB), di ibu negara, di sini.

Terdahulu, rombongan diberikan taklimat ringkas mengenai fungsi dan perkhidmatan RTB yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam, Awang Md. Mahdi bin Haji Md. Yassin dan Penolong Pegawai Perhubungan Awam, Dayang Haliza binti Kilali.

Rombongan seterusnya dibawa melawat ke Bahagian Rampai

Pagi, Bahagian Berita dan juga Bahagian Radio.

Program pertukaran itu merupakan salah satu projek yang telah dipersetujui di antara Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand dalam bidang penerangan.

Rombongan diketuai oleh Ketua Kerjasama Memorandum Persefahaman, Bahagian Kerjasama Antarabangsa, Pejabat Hal Ehwal Luar, PRD Thailand, Puan Siriwan Dampreeda berada di negara ini selama lima hari bermula 28 Ogos hingga 1 September 2017.

Pegawai PRD Thailand kunjungi Brunei Press

Foto : Syahi Haji Ludin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Ogos. - Seramai tiga Pegawai Penerangan dan Media dari Public Relations Department (PRD) Thailand hari ini, telah mengadakan lawatan ke Brunei Press Sdn. Bhd., Beribi.

Kunjungan para Pegawai PRD diketuai oleh Head of MoU Cooperation International Cooperation Division, Foreign Office, PRD Thailand, Puan Siriwan Dampreeda ke Bangunan Brunei Press Sdn Bhd dialu-alukan oleh Pengurus Besar Brunei Press Sdn Bhd, Reggie See bersama pegawai-pegawai Brunei Press Sdn. Bhd.

Semasa kunjungan tersebut, Pegawai-pegawai PRD telah mendengarkan taklimat mengenai fungsi dan peranan syarikat yang disampaikan oleh Reggie See.

Program Pertukaran Penerangan dan Media itu merupakan salah satu projek yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan

Kerajaan Thailand dalam bidang Penerangan.

Ia bertujuan bagi memberikan pendedahan dan pengalaman serta berkongsi maklumat tentang peranan dan fungsi masing-masing selaku telinga, mata dan lidah kerajaan kedua-dua buah negara ke arah memelihara, meningkatkan dan mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa.

Sepanjang lima hari berada di negara ini, bermula 28 Ogos hingga 1 September 2017, delegasi berkenaan telah mengadakan lawatan ke agensi-agensi kerajaan dan swasta serta ke beberapa tempat menarik di negara ini.



ROMBONGAN Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Media Thailand ke Negara Brunei Darussalam semasa mengadakan lawatan ke Brunei Press Sdn. Bhd., Beribi.



Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

Pembuatan songkok yang berkualiti



DAYANG Siti Aishah binti Salleh bersama songkok yang dibuatnya.



SONGKOK dari Aisma Aishah Boutique, Tailoring & Songkok Craft tersusun rapi di rak untuk dijual.

BAGI seorang pengusaha Aisma Aishah Boutique, Tailoring & Songkok Craft, Dayang Siti Aishah binti Salleh, 55 tahun, proses membuat songkok nampak mudah, namun untuk menghasilkan songkok yang memuaskan hati penempah, ia perlu dijahit dengan teliti dari permulaan proses lagi.

"Penghayatan dalam membuat songkok ini sangat penting dan tidak boleh lalai semasa proses pembuatannya, katanya ketika ditemui di kedai songkoknya di No. 8 Blok C, Kompleks Perindustrian Beribi, di sini.

Selain itu, katanya, kemahiran membuat songkok perlu sentiasa diamalkan kerana jikalau ditinggalkan walaupun hanya dua minggu sahaja, kita boleh lupa bagaimana cara membuatnya dan terpaksa mempelajari kemahiran itu semula.

"Pernah ada kawan yang belajar kursus pembuatan songkok bersama saya terpaksa datang ke mari untuk membeli songkok kerana sudah lupa bagaimana cara membuatnya," katanya.

Dayang Siti Aishah merupakan salah seorang daripada sebilangan kecil pembuat dan pengusaha songkok tempatan di negara ini dan telah hampir 20 tahun berkecimpung dalam bidang tersebut.

Sekalipun berpengalaman luas dalam perusahaan songkok, beliau mengakui tempahan daripada orang ramai

tidak seberapa pada hari biasa berbanding ketika waktu bulan Ramadan khasnya menjelang Aidilfitri.

Menurutnya, jika ada pelanggan yang menempah 20 biji songkok, beliau akan berusaha untuk menyiapkan tempahan tersebut dalam masa sehari sebagai salah satu usaha beliau untuk mengambil hati pelanggan.

"Dalam sehari, saya boleh menyiapkan 10 biji songkok, tetapi kalau rangkanya sudah tersedia lebih awal, saya boleh menyiapkan tempahan sehingga 20 biji songkok," katanya.

Bercerita tentang penglibatan awal dalam perusahaan itu, beliau memberitahu, ia bertitik tolak selepas mempelajari cara membuat songkok di Bahagian Pendidikan Lanjutan.

Dari sana, beliau melangkah ke hadapan dengan mengikuti Program Inkubator Perniagaan yang pernah diadakan di Pusat Sumber dan Piawai Kampung Sinaut bagi mempelajari bagaimana memulakan perniagaan.

Di pusat sumber tersebut juga, beliau mula menjual songkok hasil buatan tangannya dengan meletakkan di dua buah meja jualan yang disediakan.

Apa yang lebih membanggakan, beliau pernah membawa songkok ke luar negara seperti Thailand dan Oman bagi memperkenalkan aksesori buatan tempatan itu.

"Semasa di Pattani, Thailand, ramai yang membeli songkok yang saya bawa kerana kebanyakan penduduk di sana beragama Islam dan serumpun dengan kita," katanya.

Menurutnya, songkok amat sinonim dengan bangsa Melayu di rantau ini seperti Malaysia dan Indonesia dan ia sudah menjadi adat dan budaya orang Melayu.

Beliau juga berusaha untuk mewariskan kemahiran tersebut kepada anak-anaknya bagi meneruskan perusahaan tersebut agar pembuatan songkok tempatan tidak luput ditelan zaman, namun untuk mempelajarinya memerlukan komitmen dan ketabahan kerana pendapatan hasil dari pembuatan membuat songkok ini hanya banyak pada musim-musim tertentu.

"Saingan bagi pembuat songkok tempatan adalah songkok yang dibuat dan didatangkan dari luar negara," katanya.

Oleh itu, beliau berusaha menghasilkan kelainan dengan menambah baik songkok tradisional dari segi kualiti kain dan rekaannya seperti menggunakan bahan kalis air dan memasang rawa bagi menarik pelanggan terutama generasi muda.

Selain itu, katanya, kualiti songkok buatan tempatan juga lebih terjamin kerana baldi yang digunakan adalah baldi dari Korea yang lebih tahan lasak dan lembut.



SONGKOK yang dihias dipamerkan di Aisma Aishah Boutique, Tailoring & Songkok Craft (atas dan bawah).



Zulhijjah bulan inspirasi takwa dan ibadat agung



KENAPAKAH begitu istimewa sepuluh awal Zulhijjah itu? Ini tidak lain disebabkan oleh terdapatnya amal ibadat yang tidak terdapat di bulan lain selain di bulan Zulhijjah sahaja. Antaranya :

1. Ibadah haji, yang merupakan terafdal bagi siapa dapat menunaikannya dengan memperoleh haji yang mabrur.

2. Ibadah puasa, terutama sekali di hari Arafah bagi yang tidak menunaikan ibadah haji. Siapa yang berpuasa pada hari itu akan diampunkan dosa-dosanya selama dua tahun.

3. Mengisi masa dengan bertahlil, takbir dan tahmid.

Abdullah ibn Umar ada meriwayatkan hadis bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda :

Yang bermaksud : "Tidak ada hari yang lebih agung kelebihanannya di sisi Allah dan tidak ada hari yang lebih disukai Allah untuk melakukan amal soleh padanya selain hari 10 Zulhijjah, perbanyakkanlah di dalamnya dengan bertahlil, bertakbir dan bertahmid."

4. Ibadat yang hanya dilakukan di bulan Zulhijjah ialah ibadah korban, iaitu dengan menyembelih binatang korban pada 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah sahaja.

Memperkatakan mengenai ibadah korban ia adalah merupakan suatu ibadah yang dituntut kita melakukannya walaupun hukumnya sunat di dalam Mazhab Syafieakan tetapi ia dihukumkan sunat muakkadah atau sunat ain. Sedangkan dalam Mazhab Hanafi ia adalah dihukumkan sebagai wajib bagi yang berkemampuan melakukannya.

Ibadah korban adalah merupakan perbuatan menyembelih binatang korban di dalam masa dan hari yang ditetapkan oleh Syarak sahaja, iaitu bermula selepas menunaikan ibadah Solat Aidiladha hari ke-10 Zulhijjah hingga berakhirnya hari tasyrik, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Andai dilakukan penyembelihan itu luar dari tarikh dan masa yang ditetapkan itu, maka ia bukan dikira sebagai ibadah korban.

Korban ini mengikut sejarah bermulanya adalah dilakukan oleh anak Nabi Adam Alaihi Salam, iaitu Habil dan Qabil. Habil seorang penternak telah berkorban dengan kambingnya yang paling gemuk sehingga Allah telah menerima korbannya itu, sedangkan Qabil sebagai petani mengorbankan buah-buah yang busuk dan tidak elok dari kebun-kebunnya menyebabkan Allah tidak menerima perbuatan korbannya itu. Akibatnya timbul rasa iri hati Qabil terhadap Habil, akhirnya Qabil membunuh Habil. Kisah korban Habil dan Qabil ini dapat dilihat diceritakan di dalam Al-Quran di dalam Surah Al Maa-idah, ayat 27-30.

Setelah itu, suatu korban yang sangat berat lagi menyentuh hati nurani telah dilakukan Nabi Ibrahim a.s ke atas puteranya Ismail a.s, peristiwa ini ada dirakamkan di dalam Al-Quran di dalam Surah As-Saafaat, ayat 100-102.

Yang bermaksud : "Wahai tuhan ku, anugerahkanlah kepada ku (seorang anak) yang termasuk orang-orang yang soleh, maka kami (Allah) beri ia (Nabi Ibrahim) khabar gembira dengan kurnia seorang anak yang penyabar, iaitu (Ismail). Maka tatkala anak itu sampai (pada umur) boleh berusaha bersama-sama lalu Nabi Ibrahim berkata kepada anaknya : Wahai anak ku,

sesungguhnya aku melihat dalam mimpiku bahawa aku menyembelih mu, maka fikirkanlah bagaimana pendapatmu? Ismail menjawab : Wahai ayah ku, kerjakanlah dan lakukanlah apa yang diperintahkan kepadamu, insyaaAllah engkau akan mendapati ku termasuk orang yang sabar."

Dari ayat itu tadi ada beberapa pelajaran dan pengajaran yang dapat kita jadikan panduan hidup kita sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala.

1. Kepatuhan Nabi Ibrahim a.s dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Hal ini tercermin pada sikap kesungguhan dan keikhlasan Baginda untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang disampaikan melalui mimpinya. Padahal perintah itu menurut ukuran manusia biasa terlalu berat untuk dilaksanakan. Iaitu keharusan Nabi Ibrahim a.s untuk menyembelih putera yang amat disayangi sebagai korban.

2. Sikap Nabi Ibrahim tidak memaksa kehendaknya. Hal itu tercermin pada permintaan Nabi Ibrahim terhadap anaknya untuk memberikan pendapat dalam menanggapi mimpi Baginda itu.

3. Kerelaan Ismail a.s untuk mengorbankan dirinya demi menjunjung tinggi perintah Allah dan ketaatan kepada Allah.

Dikisahkan tatkala Ismail akan disembelih, ia telah mengajukan tiga permohonan kepada ayahandanya :

1. Agar pisau yang digunakan untuk menyembelihnya itu diasah tajam, guna meringankan derita sakit pada saat ia disembelih.

2. Agar mukanya ditutup dengan kain tatkala akan disembelih, supaya ayahnya tidak ragu dan bimbang apabila menyembelihnya.

3. Agar baju yang dipakainya tatkala disembelih yang sudah barang tentu akan berlumuran darahnya, diserahkan kepada ibunya yang dicintainya sebagai kenangan atas kerelaan hati dan ketabahan puteranya menghadapi maut dalam menjalankan perintah Allah.

Jabal Al-Kurban tempat di mana Nabi Ibrahim hendak melaksanakan korban itu. Baginda sudah siap sedia untuk menyembelih Ismail dan Ismail sendiri sudah siap sedia untuk disembelih. Dalam suasana yang amat mengharukan itu, antara sang ayah dan anak saling berpandangan, pandangan yang sukar dilukiskan dalam kata-kata. Satu persatu titisan air mata Ibrahim dan Ismail mulai berderai berjatuh. Nabi Ibrahim mencium kening anaknya sebagai tanda perpisahan. Kemudian anaknya yang dicintai itu dibaringkannya, dan pisau yang tajam mulai diletakkan di atas leher Ismail a.s.

Pada detik yang mengharukan inilah Allah memperlihatkan kebaikan dan kasih sayang-Nya kepada Nabi Ibrahim dan puteranya. Di hadapan Nabi Ibrahim secara tiba-tiba, muncullah Malaikat Jibril a.s dengan membawa seekor kambing Kibasy yang gemuk dan elok. Nabi Ibrahim diperintahkan untuk menyembelih kambing itu sebagai pengganti puteranya, Ismail a.s. Dengan itu Ismail a.s terlepas daripada rangkuman maut. Atas kejadian itu, kembali Nabi Ibrahim dan Ismail a.s berpandangan sama, hairan. Mereka berpelukan dengan penuh rasa gembira.

Di sinilah semangat berkorban yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim dan puteranya Ismail a.s itu wajarlah menjadi

Oleh : Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar dan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei

SIRI II

tauladan bagi kita semua yang mengaku beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam mentaati apa jua perintah-perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Kalaulah Nabi Ibrahim telah rela mengorbankan sesuatu yang paling berharga bagi hidup Baginda demi melaksanakan dan mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala, begitu juga dengan putera Baginda yang masih kecil yang sudah dapat memahami perintah Allah sehingga lahir rasa rela hati mengorbankan dirinya demi mematuhi perintah Allah.

Maka seyogianya kita hendaklah dapat dan berani berkorban apa sahaja baik fikiran, perasaan, tenaga ataupun harta benda. Bahkan jiwa raga sekalipun, demi menegakkan dan mentaati perintah Allah Rabbul 'Alamin.

Pada dasarnya, korban itu adalah bererti taqarrub ilallah, iaitu mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Lantaran itu akan hanya mencapai maksud hakiki bilamana ia didasari motivasi untuk mendekatkan diri kepada Allah, di samping niat ikhlas kepada Allah demi mendapat dan memperoleh keredaan-Nya jua. Korban yang sedemikian itu yang akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu yang dasarnya ketakwaan. Ini adalah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala :

Surah Al-Hajj, ayat 37 yang maksudnya : "Daging (haiwan korban) dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredaan, ketaatan, kepatuhan) Allah, tetapi ketakwaan kamulah yang akan mencapainya. Demikianlah Dia menundukkannya untukmu agar kamu mengagungkan Allah atas petunjuk yang Dia berikan kepadamu. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik."

Menyembelih haiwan korban, mengalirkan darah dari tubuhnya merupakan simbolik agar manusia mensucikan diri dari sifat kehaiwanan yang menyelip ke dalam tubuh dan badannya. Sifat tamak, serakah, iri hati, hasad dengki, egois adalah antara sifat haiwan menodai nilai kemuliaan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Sifat yang sedemikian itu bukan hanya akan merugikan diri sendiri, tetapi juga akan merosakkan tata kehidupan masyarakat dan bernegara.

Dalam pada itu, dengan wujud dan berkembangnya ilmu pengetahuan dan teknologi yang begitu pesat telah membawa manusia ke jinjang kehidupan yang maju dan membangun ke arah negara maju. Akan tetapi kemajuan itu pula telah menimbulkan kecenderungan manusia ke arah hidup yang konsumtif atau pengguna atau pengeluaran yang melahirkan rangsangan materialistik.

Akibatnya lahir kecenderungan manusia untuk melakukan perbuatan negatif yang bertentangan dan melanggar kaedah agama dan nilai moral yang tidak menghiraukan mana yang halal dan mana yang haram, mana yang baik mana yang buruk. Begitu juga kecenderungan meningkatnya krisis kehidupan manusia baik lahir mahupun batin, baik secara individu mahupun secara berkelompok.

Sebagai orang yang beriman, kita mempunyai daya penangkal atau penghalang yang canggih untuk menyekat diri dari hal yang negatif dari akibat sampingan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi itu, iaitu tidak lain dengan menanamkan rasa takwa, kepatuhan dan ketaatan kepada Allah terhadap perintah dan larangan-Nya.

Selain dari itu, di antara perbuatan yang dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah terutama dengan menjelangnya bulan Zulhijjah ini, yang terdapat di dalamnya berbagai-bagai amal ibadah yang dituntut kita melakukannya sama ada yang hukumnya fardu wajib mahupun yang sunat. Setiap apa yang dituntut kita melakukannya itu, ia adalah merupakan syiar Allah, maka segala amal ibadah itu jika kita lakukannya dengan rasa ikhlas serta dengan sikap bagi membesarkan dan mengagungkan syiar

Allah, iaitu yang berupa ibadah hajinya, ibadah korbannya, puasa hari Arafahnya, sedekah daging korbannya, di samping takbir, tamhid dan tahlil yang dilaungkan. Semuanya itu adalah dikatakan Allah orang yang mengagungkan dan membesarkan syiar Allah. Dan perbuatan mengagungkan syiar Allah adalah menjadi inspirasi ketakwaan kita kepada Allah.

Ini sepertimana yang dijelaskan di dalam Surah Al-Hajj, ayat 32 :

Bermaksud : "Demikianlah (perintah Allah) dan barang siapa mengagungkan syiar Allah, maka sesungguhnya itu lahir dari ketakwaan hati."

Alhamdulillah kita sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat bertuah dan beruntung kerana mendapat raja pemimpin umat yang bertakwa yang dapat kita bertauladan serta berinspirasi dari ketakwaan baginda yang jelas diperlihatkan melalui perbuatan baginda yang tidak kendur, bahkan jauh sekali dari berundur pada mengagungkan dan membesar dan memartabatkan syiar Islam dan ajaran di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Andainya kita sebagai penduduk negara benar-benar mengikut jejak ketakwaan baginda itu, maka sudah pasti janji Allah kepada orang yang benar bertakwa akan dikurniakan kepada kita. Iaitu sepertimana pesan Allah di dalam Surah Al-Araf, ayat 96 :

"Yang maksudnya : "Jikalau sekiranya penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertakwa, pastilah akan kami limpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi."

Mengikut Ahli Tafsir, apa yang dimaksudkan keberkatan dari langit dan bumi itu ialah Allah akan melimpahkan kepada penduduk ahli negeri itu kebaikan yang banyak. Baik yang turun dari langit mahupun yang keluar dari bumi.

Nikmat yang datang dari langit misalnya hujan rahmat yang menyirami dan menyuburkan bumi, sehingga tumbuh tanam-tanaman dan berkembang biaklah haiwan ternakan yang kesemuanya sangat diperlukan oleh manusia. Di samping itu, mereka akan memperoleh ilmu pengetahuan yang banyak serta kemampuan untuk memahami Sunnah Allah yang berlaku di alam ini. Dengan demikian, mereka akan dapat membangun kehidupan yang baik dan makmur serta dapat menghindarkan malapetaka yang biasa menimpa umat yang ingkar kepada Allah dan yang tidak tahu mensyukuri nikmat dan kurnia-Nya.

Demikianlah Allah yang tidak pernah mungkir akan janji-Nya, akan mengurniakan kurnia yang banyak kepada sesebuah negeri itu bilamana penduduknya, baik para pemimpin dan para rakyatnya benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah. Sebaliknya, jika berlaku keingkaran dan membuat onar yang mendatangkan kemurkaan Allah, sama ada berupa maksiat, kezaliman dan sebagainya dari perbuatan jahat dan keji, maka Allah juga menjanjikan untuk menimpakan seksa kepada mereka walaupun siksaan itu mungkin tidak sama dengan siksa yang telah ditimpakan kepada umat-umat dahulu yang bersifat memusnahkan umat itu. Apa yang menjadi kepastian azab tersebut adalah sesuai dengan sunnah Allah, yang telah ditetapkan-Nya dan tidak siapapun yang akan dapat mengubahnya selain Allah Subhanahu Wata'ala sendiri.

Lantaran itu, andai negara kita ini ingin dilimpahkan rahmat dan berkat Allah yang berterusan, tidak ada acara lain selain kita penuh beriman dan bertakwa mentaati perintah Allah, menegakkan dan membesar dan mengagungkan syiar Islam dengan menegakkan semangat untuk sedia berkorban demi menegakkan Islam, agama Allah di bumi yang bertuah ini. Terutama dengan mendukung usaha raja kita yang teguh dan istiqamah pada menegakkan Islam dan syiarnya sebagai tanda dan bukti ketakwaan baginda. Mudahnya, dengan ini negara kita akan menjadi Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur.

Kepulangan atlet Sukan SEA



Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Ogos. - Rombongan kelapan Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada 11 orang Pegawai Urusetia, 15 pegawai dan atlet Pasukan Sepak Takraw, 3 pegawai dan atlet Pasukan Pencak Silat serta 10 pegawai dan atlet Pasukan Lumba Basikal kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas menyertai Sukan Asia Tenggara Ke-29, 2017 di Kuala Lumpur.

Berada di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi menyambut ketibaan kontinjen negara ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

Pasukan Pencak Silat negara telah berjaya meraih satu pingat perak bagi acara seni / *artistry* tunggal puteri melalui Norleyermah binti Haji Raya dengan kutipan mata sebanyak 455.

Manakala Pasukan Sepak Takraw negara berjaya membawa pulang sebanyak empat pingat gangsa acara Men's Chinlone Event 3 (*linking*), Men's Chinlone Event 1 (*non-repetition primary*), Men's Team Regu dan Men's Regu.

Norleyermah binti Haji Raya, 30 ketika ditemui berkata, ini adalah pingat perak kedua daripada tiga pingat yang beliau perolehi melalui enam Sukan Asia Tenggara yang beliau pernah sertai.

Beliau berasa amat bersyukur kerana dapat membawa pulang pingat perak untuk negara dan segala usaha beliau berbaloi.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof bergambar ramai bersama kontinjen Negara Brunei Darussalam.



Atlet negara kutip 5 perak 9 gangsa



CHEF de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA), Pengiran Anak Mohd. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim ketika ditemu bual.

KUALA LUMPUR, Rabu, 30 Ogos. - Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur 2017 menyaksikan peningkatan yang memberangsangkan terhadap keupayaan dan kebolehan atlet-atlet Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau.

Daripada 14 acara sukan yang disertai kontinjen negara, sebanyak tujuh acara sukan memperoleh pingat, iaitu sebanyak lima perak dan sembilan gangsa.

Kutipan tersebut adalah melebihi daripada kutipan

semasa Sukan SEA di Singapura pada tahun 2015 yang lalu, iaitu sebanyak tujuh pingat keseluruhan dengan hanya mengutip satu perak dan enam gangsa.

Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA), Pengiran Anak Mohd. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim ketika ditemu bual menjelaskan, kontinjen pada edisi kali ini menunjukkan peningkatan kutipan pingat yang memberangsangkan.

"Alhamdulillah, pingat-pingat yang diperolehi adalah dari sukan sepak takraw dengan empat gangsa, bola jaring dengan satu gangsa, polo yang merupakan acara sukan baharu yang dipertandingkan dalam Sukan SEA pada tahun ini telah memperoleh satu gangsa.

Manakala karatedo membawa pulang satu gangsa, boling padang meraih tiga perak dan satu gangsa, wushu memperoleh satu perak dan satu gangsa serta silat dengan satu pingat perak," terang beliau lagi.

Sementara sukan-sukan yang tidak memperoleh pingat, jelas beliau, juga turut menunjukkan peningkatan yang membanggakan seperti olahraga yang berjaya memecahkan rekod kebangsaan, iaitu dalam acara 4 x 100 meter lelaki.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad

Dalam acara *jumping* pula, beliau menjelaskan negara kita memperoleh tempat keempat, yang bermakna sukan tersebut telah menunjukkan sedikit peningkatan berbanding pada tahun-tahun yang lalu.

"Berdasarkan penyertaan Negara Brunei Darussalam pada Sukan SEA Ke-29, ia akan dibawakan ke *post mortem* dan akan dijadikan sukat-sukat di masa yang akan datang," tambahnya lagi.

Promosi istimewa BND2 Jerudong Park

Siaran Akhbar : Jerudong Park Country Club

JERUDONG, Rabu, 30 Ogos. - Orang ramai kini boleh menikmati promosi istimewa Jerudong Park sempena cuti sekolah ini, iaitu tiket masuk bernilai BND2 bagi permainan yang dipilih, iaitu Maze Laser, GoPo Train, JP Town, Mini Golf, Kids Play Indoor Playground, Musical Fountain dan Galeri Shooting yang terbaharu.

Tawaran terhad ini hanya sah bermula 31 Ogos hingga 10 September. Tiket hanya boleh dibeli terus dari kaunter tiket dan dibuka dari Rabu hingga Ahad semasa cuti sekolah ini.

Orang ramai juga boleh menonton wayang 'Moana' dan 'Fantastic Beasts and Where to Find Them' semasa Movie Night pada 2 September ini di Jerudong Park Colonnade bermula dari jam 8.15 malam. Masuk adalah percuma bagi pelanggan yang membeli tiket BND2 juga pelanggan tiket masuk penuh.

Waktu operasi pada Jumaat bermula 3.00 petang hingga 11.30 malam sementara pada Sabtu dan Ahad, bermula dari jam 10.00 pagi hingga 11.30 malam. Untuk maklumat lanjut, bolehlah melayari laman sosial Instagram JerudongPark atau terus ke laman sesawang <http://www.jerudongpark.com>.

Sukan

INFO SUKAN

NEGARA Brunei Darussalam buat julung kalinya menyertai Acara Akuatik (Renang Berirama) pada temasya Sukan SEA Ke-29 di Kuala Lumpur. Pasangan atlet negara diwakili oleh Nur Hafizah Ahmad dan Jacqueline Lim Guan Fan yang bertanding dalam Acara 'Technical Duet' dan 'Free Duet'.



ePaper Pelita Brunei

Tinjau latihan atlet ke ASEAN Paragames

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 31 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof meninjau persiapan latihan atlet-atlet ke ASEAN Paragames Ke-9.

Lawatan Yang Berhormat tersebut adalah bagi meninjau latihan pasukan-pasukan dan atlet-atlet negara yang akan menyertai ASEAN Paragames antaranya olahraga, basikal dan tempin boling.

Pada masa yang sama, lawatan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah semata-mata untuk memberikan sokongan psikologi untuk bekalan kepada pasukan dan atlet bagi mengharungi perlawanan masing-masing.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad dan Pemangku Pengarah KKBS, Awang Haji Rosmader bin Haji Md. Daud, selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke ASEAN



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof meninjau persiapan latihan atlet-atlet ke ASEAN Paragames Ke-9.

Paragames Ke-9, Kuala Lumpur 2017 serta pegawai-pegawai KKBS.

Di ASEAN Paragames tahun ini, Negara Brunei Darussalam menghantar seramai 44 orang kontinjen termasuk Chef de Mission, Penolong Chef de Mission, 29 atlet, seorang Ketua Urusetia, seorang anggota Urusetia, dua Pegawai Perubatan,

dua Pengurus, lima Jurulatih, seorang Penolong Jurulatih dan seorang Pegawai Pengiring.

Negara akan menyertai sebanyak tiga acara sukan, iaitu olahraga, basikal dan tempin boling di kejohanan yang akan berlangsung bermula 17 September hingga 23 September 2017 di Kuala Lumpur, Malaysia.



PUNGUTAN PINGAT

NEGARA	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
MALAYSIA	145	92	86	323
THAILAND	72	86	88	246
VIET NAM	58	50	60	168
SINGAPURA	57	58	73	188
INDONESIA	38	63	90	191
FILIPINA	24	33	64	121
MYANMAR	7	10	20	37
KEMBOJA	3	2	12	17
LAO PDR	2	3	21	26
BRUNEI DARUSSALAM	0	5	9	14
TIMOR LESTE	0	0	3	3

Sukan SEA Kuala Lumpur cipta beberapa rekod baharu

Oleh :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

KUALA LUMPUR, Jumaat, 1 September. - Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur 2017 memahat sejarah tersendiri kepada lebih 10 ribu atlet yang bersaing dengan mencipta kegemilangan menerusi 38 acara sukan dengan berjaya mengharumkan negara masing-masing.

Atlet kontinjen tuan rumah, Malaysia membuktikan penguasaan sukan berprestij serantau itu apabila berjaya memecahkan beberapa rekod Sukan SEA sekali gus mengungguli kutipan pingat emas terbanyak dengan 323 pingat sekalipun gagal mendapatkan ibu segala pingat, iaitu pingat emas dalam acara sukan bola sepak setelah kalah 1 - 0 kepada Thailand.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin bukan sahaja

berjaya meraih pingat emas, tetapi juga mencipta rekod baharu Sukan SEA dalam acara sukan kuda lasak kategori individu setelah memecahkan rekod tiga jam lebih awal untuk menamatkan perlumbaan dengan catatan masa 3 jam 48 minit dan 38 saat.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin sekali gus meleburkan rekod atlet Malaysia, iaitu pemenang pingat emas Sukan SEA 2013 di Myanmar, Mohd. Sulaiman Muda yang mencatatkan masa 6 jam 26 minit.

Manakala, atlet baling tukul besi tuan rumah, Jackie Wong, melakar sejarah baharu apabila memecah rekod Sukan SEA dengan catatan 65.90 meter sekali gus meraih pingat emas di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Jackie membaharui rekod milik Caleb John Stuart dari Republik Filipina yang mencatat 65.63 meter di Singapura dua tahun yang lalu.

Satu lagi rekod baharu dicatatkan di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil apabila

Welson Lim mencatat 1 minit 47.79 saat dalam acara 200 meter gaya bebas.

Seorang lagi atlet lompat jauh Malaysia, Muhammad Hakimi Ismail turut mencipta nama dengan rekod lompatan 16.77 meter sekali gus memenangi pingat emas.

Sementara itu, quartet olahraga dari Thailand memecahkan rekod acara 4 x 100 meter selepas mencatat masa 38.90 saat, yang mana sebelum ini 38.95 saat yang juga dipegang oleh quartet dari Thailand pada Sukan SEA Ke-24 di Nakhon Natchasima, Thailand.

Kuala Lumpur 2017 juga menyaksikan quartet negara yang dibarisi oleh Abdul Rahim bin Abdullah, Md. Faizul bin Abdullah, Md. Noor Firdaus Ar-Rasyid bin Haji Idris dan Md Fakhri bin Ismail berjaya memecah rekod kebangsaan acara yang sama setelah memperoleh catatan masa 40.21 saat memperbaiki catatan rekod kebangsaan yang lama, 40.92 saat.

Tahukah Awda

DI Negara Brunei Darussalam, pemerintahan yang berteraskan Islam mula disusun dengan kemasnya dalam zaman pemerintahan Sultan Brunei ketiga, iaitu Sultan Sharif Ali di T.M. 1423 - 1432.

Baginda telah mengembangkan syiar Islam dengan membina masjid pertama di negara ini.

SUMBER : Melayu Islam Beraja, Menengah IV, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, 2000.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERINTAH ALLAH WAJIB DIKUTI, DIPATUHI, DITAATI

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.